

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2019

**HARI SELASA : 9 APRIL 2019**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [TEBRAU]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan sama ada Kerajaan ada perancangan untuk menggantikan tanaman kelapa sawit kepada buah-buahan yang boleh dieksport kepada negara lain memandangkan kelapa sawit berada dalam keadaan “*Supply Over Demand*”.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Merbok di nombor 17 pada hari ini yang menyentuh mengenai perkara yang sama dengan pertanyaan Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengurangkan tahap kebergantungan sepenuhnya kepada hasil sawit, terutama apabila harganya menurun, pilihan terbaik bagi pekebun kecil adalah dengan melaksanakan integrasi tanaman atau ternakan. Pelbagai jenis tanaman bernilai dan mempunyai permintaan tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa telah dikenal pasti seperti nanas, tembikai, pisang dan betik. Tanaman selingan yang boleh membuahkan hasil dalam masa yang singkat adalah sesuai untuk ditanam di ruang-ruang yang kosong antara barisan sawit muda yang berusia kurang daripada 3 tahun. Manakala bagi tanaman jangka masa panjang yang sesuai diintegrasikan adalah lada hitam, salak dan koko. Strategi penggunaan tanah secara maksimum ini dapat menjana pendapatan awal yang lumayan kepada pekebun kecil jika dilaksanakan secara sistematik.

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah membangunkan sistem tanaman sawit yang dikenali sebagai sistem tanaman sawit dua baris kembar yang dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang. Integrasi tanaman boleh dilaksanakan untuk jangka masa pendek dan panjang tanpa mengikut usia tanaman sawit melalui sistem tanaman ini.

Tanaman getah juga boleh diintegrasikan dengan pelbagai jenis tanaman sama ada jangka pendek, sederhana dan panjang. Bagi jangka pendek, tanaman integrasi yang digalakkan adalah pisang, betik dan nanas. Tanaman pokok buah salak pula lebih sesuai untuk jangka sederhana. Bagi sistem tanaman getah pepagar pula, integrasi tanaman seperti durian, belimbing besi, durian belanda dan cempedak boleh dilaksanakan. Selain itu, integrasi ternakan seperti lebah dan kelulut juga berpotensi untuk diusahakan.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
[ PONTIAN ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN : 2**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah panjang dan bajet jalan kampung serta paip air di semua negeri pada tahun 2017, 2018 dan perancangan 2019. Apakah perancangan lama dan baru untuk meningkatkan ekonomi masyarakat luar bandar serta laporkan kejayaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Program Jalan Perhubungan Desa (JPD), sepanjang 892.65 kilometer jalan kampung telah berjaya dibina di seluruh negara yang melibatkan peruntukan berjumlah RM504 juta bagi tempoh 2017 sehingga 2018. Manakala bagi tahun 2019, Program JPD telah diluluskan peruntukan berjumlah RM95.43 juta dengan sasaran pembinaan jalan kampung sepanjang 225 kilometer yang merupakan baki siling RMKe-11.

Manakala di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, bagi tahun 2017 hingga 2018, sebanyak RM569.02 juta telah diperuntukkan yang telah memberi manfaat kepada 7,344 buah rumah di seluruh negara. Manakala bagi tahun 2019 pula, sebanyak RM726.85 juta telah diperuntukkan dengan sasaran sebanyak 4,500 buah rumah di seluruh negara.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar pada 29 Oktober 2018 yang bertemakan 'Luar Bandar Sejahtera'. Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi 5 tahun yang akan datang iaitu 2018 hingga 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan. Pelan ini meliputi 6 Teras iaitu:

- 1) Prasarana yang lengkap dan berkualiti;
- 2) Ekonomi luar bandar yang berdaya saing;
- 3) Keusahawanan yang melibatkan pemerkasaan usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif;
- 4) Modal Insan bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu, mahir dan cemerlang;
- 5) Memperkasakan Wanita luar bandar; dan
- 6) Sistem Penyampaian yang mengutamakan keperluan rakyat.

6 Teras ini meliputi 29 Strategi dan 94 Program yang akan dilaksanakan bagi memenuhi hasrat dan aspirasi tema 'Luar Bandar Sejahtera' tersebut.

Di antara program baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian adalah Program Desa Harapan yang merupakan satu inisiatif kolaborasi antara pihak kerajaan dan swasta yang memberi fokus kepada usaha-usaha pemerkasaan ekonomi desa. Selain itu, Kementerian juga akan melancarkan inisiatif Desa Digital yang bertujuan untuk menaiktaraf kemudahan capaian internet di Pusat Komuniti Desa (PKD) yang akan dapat dinikmati oleh penduduk di luar bandar.

Di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini juga, Kementerian akan memberi tumpuan untuk membangunkan 28 daerah di Malaysia dengan purata pendapatan bulanan terendah yang meliputi negeri Kedah (2 daerah), Kelantan (7 daerah), Pahang (1 daerah), Sabah (5 daerah) dan Sarawak (13 daerah) dan sekaligus mengurangkan jurang daerah-daerah terpinggir tersebut dengan daerah-daerah yang lain.

Di samping itu juga, Kementerian akan terus melaksanakan program-program pembangunan ekonomi luar bandar sedia ada yang melibatkan pembangunan usahawan, pembiayaan dan modal insan seperti Program Wanita Inspirasi Ekonomi (WISE) di bawah MARA, Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP).

Sehubungan dengan itu, Kementerian berkeyakinan bahawa pelaksanaan segala perancangan dan program di bawah Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar ini akan dapat menaik taraf dan meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar Bandar dengan memenuhi keperluan sosioekonomi, fizikal, rohani dan sahsiah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 3**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status pelaksanaan “Peka B40” untuk golongan berpendapatan rendah dan juga jumlah orang yang telah layak di bawah skim ini di seluruh Malaysia termasuk Sarawak. Adakah ini akan menambahkan kesesakan di hospital Kerajaan dan bagaimana Kerajaan bercadang untuk menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Sepertimana yang telah saya umumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 atau dikenali sebagai PeKa B40 yang bermatlamat untuk mempertingkatkan saringan kesihatan penyakit tidak berjangkit. PeKa B40 menawarkan empat pakej manfaat utama iaitu Saringan Kesihatan, Bantuan Alat Perubatan, Insentif Melengkapkan Rawatan Kanser dan Insentif Tambang Pengangkutan.

PeKa B40 akan dilaksanakan sebagai projek perintis bermula pertengahan April 2019 dalam kalangan penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan mereka yang berdaftar, berumur 50 tahun dan ke atas. Buat masa ini KKM sedang memuktamadkan semua perincian pelaksanaan termasuk menjalankan pelbagai promosi dan publisiti sama ada di media cetak, elektronik dan media sosial serta sesi penerangan secara bersemuka untuk menggalakkan penyertaan

pengamal perubatan am swasta sebagai Klinik PeKa B40 di samping menggalakkan rakyat kumpulan B40 untuk menyemak kelayakan mereka sebagai penerima PeKa B40.

Merujuk kepada data BSH 2018, terdapat seramai 3.94 juta jumlah penerima manfaat PeKa B40 di Malaysia. Berdasarkan peruntukan permulaan sebanyak RM100 juta, adalah dianggarkan seramai 800,000 penerima akan mendapat manfaat projek perintis PeKa B40 melalui konsep *first come, first serve basis* (dengan izin).

Untuk makluman **YB Bandar Kuching**, jumlah keseluruhan penerima BSH yang berumur 50 tahun dan ke atas di negeri Sarawak adalah seramai 416,582 orang. Bagi projek perintis ini, dengan peruntukan RM100 juta untuk seluruh negara, maka adalah dianggarkan seramai 84,537 orang rakyat negeri Sarawak berpeluang menjadi penerima manfaat PeKa B40.

Pakej pertama manfaat PeKa B40 ialah saringan kesihatan yang akan dilakukan di klinik swasta yang berdaftar sebagai Klinik PeKa B40. Selain itu, bagi kawasan-kawasan yang tidak mempunyai klinik swasta, saringan kesihatan boleh dibuat di Klinik Kesihatan KKM. Individu yang mempunyai keputusan saringan tidak normal, akan dirujuk ke klinik kesihatan atau hospital KKM untuk rawatan lanjut.

Pelaksanaan projek perintis PeKa B40 tidak akan menambahkan kesesakan di fasiliti KKM kerana kebanyakan saringan dibuat di klinik swasta. Kes rujukan pula adalah daripada 800,000 penerima yang keputusan saringannya tidak normal sahaja. Penambahan pesakit di fasiliti KKM ini tidak akan membebankan perkhidmatan KKM secara keseluruhan.  
mereka.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI M. SARAVANAN [ TAPAH ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 4**

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah Jalan Tuanku Abdul Rahman bermula dari Jalan Esfahan berhampiran Sogo hingga ke Jalan Melayu, akan ditutup kepada semua kenderaan persendirian kecuali bas awam dan pelancongan dan apakah signifikan dan jaminan Kementerian penutupan jalan ini akan membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas serta tidak menjejaskan para peniaga di sekitar kawasan tersebut.

**SOALAN NO. 4**

**Tuan Yang di-Pertua**

Untuk makluman Yang Berhormat Tapah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menutup Jalan Tunku Abdul Rahman dari persimpangan Jalan Esfahan hingga ke persimpangan Jalan Melayu kepada kenderaan persendirian pada 6 April (Sabtu) hingga 7 April 2019 (Ahad). Penutupan ini dikecualikan kepada kenderaan seperti bas, teksi dan kenderaan kecemasan. Masa penutupan adalah bermula dari jam 12.01 pagi hari Sabtu hingga 12.00 tengah malam hari Ahad. Tempoh percubaan ini akan terus dilaksanakan selama sebulan di sepanjang bulan April 2019.

Tindakan penutupan separa ini adalah selaras dengan penggalakkan aktiviti pejalan kaki serta mempertingkatkan lokasi penutupan di bahagian jalan supaya menjadi lebih menarik kepada para pelancong selaras

#### SOALAN NO : 4

dengan kejayaan Laluan Pejalan Kaki Khusus (*Partial Closure for Pedestrian Mall*) di negara-negara maju di dunia. Hal ini secara tidak langsung telah mengurangkan kemasukan bilangan kenderaan persendirian untuk memasuki di sekitar lokasi penutupan tersebut. Di samping itu juga dapat menggalakkan penggunaan kemudahan pengangkutan awam seperti Bas, MRT dan LRT yang sedia ada untuk menuju ke lokasi-lokasi dalam dan luar kawasan Bandaraya Kuala Lumpur

Pelaksanaan penutupan ini juga mendapat sambutan orang ramai dengan pertambahan aktiviti-aktiviti pejalan kaki dan ia juga dapat mempertingkatkan aktiviti-aktiviti perniagaan dan perdagangan di sekitar lokasi penutupan tersebut. Daripada penganalisan DBKL, penutupan pertama pada 6 hingga 7 April 2019 tersebut mendapati bahawa pergerakan lalulintas berjalan dengan baik dan lancar tanpa kesesakan yang luar biasa. Secara amnya pengunjung-pengunjung di lokasi penutupan tersebut amat mengalu-alukan penutupan yang telah dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA  
[ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 5**

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status peperiksaan Bahasa Inggeris MUET (*Malaysian University English Test*) samada akan dikaji semula atau diteruskan dan nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ujian Malaysian University English Test (MUET) akan diteruskan sebagai prasyarat kepada pelajar yang memohon kemasukan ke institusi pengajian tinggi tempatan untuk mengikuti pengajian ijazah pertama.

Ini adalah sejajar dengan tujuan MUET diperkenalkan pada tahun 1999, iaitu untuk mengisi jurang kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua pada peringkat prauniversiti, untuk memperkukuh dan mempertingkatkan kebolehan bahasa Inggeris pelajar peringkat prauniversiti, serta untuk mengurangkan beban sumber pihak universiti dalam memperkukuhkan kemahiran berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajarannya supaya mereka dapat berfungsi dengan berkesan, terutamanya dalam hal membuat rujukan dan kajian daripada pelbagai sumber yang kebanyakannya ditulis dalam bahasa Inggeris.

Tambahan pula kini MUET telah disejajarkan (*align*) dengan *the Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) dan telah diterimapakai sebagai syarat kemasukan oleh beberapa universiti luar negara, sama kedudukannya dengan ujian *International English Language Testing System* (IELTS) dan *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL).

Memandangkan MUET telah mula diterima pakai di peringkat antarabangsa, maka Kementerian Pendidikan berpendapat bahawa MUET wajar dikekalkan untuk syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi tempatan dan bergraduat (*entry and exit*). Malah, kita sepatutnya berbangga dengan produk jenama Malaysia ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGKAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN  
(REMBAU)

TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)

**SOALAN NO. 6**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah pematuhan majikan terhadap perintah gaji minimum RM1,100 yang bermula awal tahun ini dan adakah terdapat mana- mana majikan yang telah memohon untuk membuat penangguhan akibat ketidakmampuan mereka melaksanakan perintah gaji minimum ini.

PN-1412- L03540

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam memastikan kepatuhan terhadap gaji minimum, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) juga menjalankan aktiviti penguatkuasaan seperti pemeriksaan berkanun. Pemeriksaan berkanun adalah suatu aktiviti rutin iaitu lawatan ke tempat kerja oleh pegawai-pegawai JTK bagi memeriksa aspek pematuhan undang-undang buruh oleh majikan. Bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019, pihak JTK telah menjalankan 7,695 pemeriksaan berkanun. Didapati sebanyak 98% majikan telah mematuhi Perintah Gaji Minimum 2018 yang memperuntukkan kadar gaji minimum sebanyak RM1,100 sebulan bagi seluruh negara.

2. JTK juga menyiasat tuntutan kes buruh yang difailkan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum. Dari 1 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019, sebanyak 95 tuntutan kes buruh difailkan oleh pekerja-pekerja yang mana 66 kes (69%) telah diselesaikan manakala 29 kes (31%) masih dalam tindakan JTK.

3. Selain itu, aduan kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan oleh pekerja di JTK mulai 1 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019 ialah sebanyak 78 aduan diterima dan sebanyak 61 aduan (78%) telah diselesaikan serta baki 17 kes (22%) masih dalam tindakan JTK.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Tiada penangguhan yang dibenarkan untuk Perintah Gaji Minimum 2018. Penundaan yang diberikan oleh Kerajaan dahulu (tahun 2012) adalah berbentuk interim (*one-off*) sahaja berikutan pertama kali dasar gaji minimum diperkenalkan di Malaysia dan bertujuan untuk memberi sedikit ruang kepada beberapa majikan individu atau majikan PKS terutama yang berintensifkan buruh (*labour intensive*) untuk meneliti semula model perniagaan dan struktur upah di syarikat masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 7**

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah dasar dan garis panduan Kementerian terhadap syarikat-syarikat telekomunikasi, terutamanya Telekom Malaysia, mengenai pemasangan kabel dan infrastruktur komunikasi ke kawasan-kawasan perumahan atau perniagaan yang baru diperbangunkan, dan siapakah yang patut membiayai kos tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyediaan infrastruktur komunikasi di kawasan pembangunan perumahan atau perniagaan yang baru dibangunkan adalah tertakluk bidang kuasa di bawah bidang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Kos bagi pemasangan kabel dan infrastruktur komunikasi ditanggung oleh syarikat pemaju yang dilantik dan keperluan teknikal mendapat khidmat kepakaran syarikat telekomunikasi yang berlesen. Kos bagi mengaktifkan langganan ditanggung oleh pemilik premis/ pengguna / pelanggan perumahan tersebut tertakluk perjanjian antara pihak berkenaan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah yang diambil bagi memperhebatkan lagi promosi Gunung Jerai yang telah diwartakan sebagai Geopark Kebangsaan baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensi di bawahnya, Tourism Malaysia (TM) sentiasa berusaha untuk mempromosikan produk-produk pelancongan negara yang berdaya saing serta mampu untuk menarik lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara untuk berkunjung ke Malaysia.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian melalui TM untuk mempromosikan Gunung Jerai dan kawasan sekitarnya yang telah diwartakan sebagai Geopark Kebangsaan adalah seperti yang berikut:

1. Penganjuran acara larian *Estate Run 2.0* 2019 yang bertaraf antarabangsa dengan kerjasama Pejabat Daerah Yan di Kampung Teroi Bukit, Yan pada 26 Januari 2019. Acara ini telah menarik penyertaan seramai 800 orang peserta dari Malaysia, 5 orang peserta dari Kenya, 40 orang peserta dari Taiwan dan 25 orang peserta dari Thailand. Secara tidak langsung, acara ini turut mempromosikan Gunung Jerai serta Geopark Jerai yang lokasinya terletak di antara sempadan Kuala Muda dan Yan. Selain itu, Pakej *Discover Kuala Muda & Yan Tour*

*Packages* turut dilancar sempena dengan program ini yang mana sehingga 26 Februari 2019, sebanyak 80 pakej pelancongan telah dijual;

2. Bekerjasama dengan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan syarikat swasta dalam menganjurkan beberapa acara yang lain bagi mempromosikan Gunung Jerai seperti Jerai Geopark Run 2018 di Pusat Rekreasi Titi Hayun, Yan pada 17 November 2018, dan Program Jerai On Fun Run di kaki Gunung Jerai pada 30 November 2018;
3. Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju. Sebagai contoh, Program Penyediaan Pakej Agro Pelancongan kawasan Muda dengan Kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Hotel The Jerai pada 30 Januari 2019;
4. Membawa masuk krew-krew penggambaran televisyen untuk membuat liputan serta membuat penggambaran di Hotel The Jerai untuk mempromosi produk pelancongan yang terdapat di sana. Sebagai contoh, Penggambaran Program Travelog Makanan Viral, “Fuhhh Beratur” oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) pada 10-11 Januari 2019;
5. Menyertai misi jualan dan promosi pemasaran yang menyediakan platform pertemuan di antara penggiat industri tempatan dari seluruh negara bagi menjalin hubungan dan kerjasama rapat dalam merencanakan lagi industri pelancongan negara. Sebagai contoh, melalui penganjuran Tourism Malaysia Travelmart 2019 bertempat di Hotel Seri Pacific pada 14 Mac 2019 bersempena dengan MATTA Fair yang telah berlangsung pada 15 hingga 17 Mac 2019 di Kuala Lumpur; dan
6. Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat - Pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan 19 buah Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh Malaysia serta melalui laman web dan laman media sosial seperti *Instagram*, *Facebook* dan *Twitter* milik Tourism Malaysia.

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) juga telah menyenaraikan Gunung Jerai yang juga menempatkan Rumah Rehat Kerajaan Kedah di dalam inventori jabatan untuk cadangan pewartaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Pihak JWN juga telah menghantar surat bagi memohon keizinan daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) Kedah untuk mencadangkan tapak tersebut diwartakan di peringkat nasional iaitu di bawah Akta 645 dan statusnya masih di bawah penilaian PBN. Secara tak langsung, tapak yang diwartakan sebagai tapak warisan kebangsaan ini akan memberikan lebih nilai tambah dalam menarik minat para pelancong dari dalam dan luar negara untuk melawat ke Gunung Jerai secara khususnya dan Negeri Kedah secara amnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
[BELURAN]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 9**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah kerangka ekonomi atau model ekonomi baharu khususnya kepada Bumiputera yang telah dirangka di bawah Kerajaan Malaysia Baharu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telahpun memberi komitmen bahawa strategi pembangunan Bumiputera akan terus menjadi agenda nasional yang penting tanpa meminggirkan segmen masyarakat lain di negara ini.
2. Melalui Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMKe-11), Kerajaan telah memberi keutamaan dan penekanan baharu termasuk strategi di bawah Tonggak 2 bagi Memperkukuh Komuniti Ekonomi Bumiputera (KEB) melalui beberapa inisiatif termasuklah:
  - i. Pertama: memperkukuh keberkesanan institusi dan program di mana tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan institusi Bumiputera akan dipertingkatkan;
  - ii. Kedua: memperkasa pendidikan dan modal insan Bumiputera dengan menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan latihan termasuk TVET bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam tenaga buruh terutama dalam pekerjaan bergaji tinggi;
  - iii. Ketiga: meningkatkan kawalan efektif dan kemampunan dalam pemilikan ekuiti korporat. Ini termasuk menggalakan lebih banyak penyertaan Bumiputera dalam pelaburan strategik dengan pulangan yang lebih tinggi;
  - iv. Keempat: meningkatkan pemilikan kekayaan Bumiputera termasuk meningkatkan aset bukan Kewangan dalam bentuk hartanah komersil, industri dan kediaman di lokasi utama dan strategik; dan
  - v. Kelima: membina KEB yang berdaya tahan dan mampan. Dalam hal ini, Kerajaan juga telahpun memberi penekanan

supaya sebarang insentif kepada mereka (iaitu usahawan Bumiputera) dibuat berdasarkan merit dan pertimbangan perniagaan secara telus dan adil.

3. Selain itu, penekanan turut diberi terhadap penerapan nilai moral dan etika yang baik seperti bekerja bersungguh-sungguh, berdisiplin dan berdikari dalam meningkatkan status sosioekonomi serta memastikan kejayaan KEB akan terus dipergiat.
4. Untuk mendepani cabaran ekonomi semasa, Kerajaan sedang merangka satu pendekatan ekonomi yang holistik berteraskan pertumbuhan, menjamin kesaksamaan serta perkongsian kemakmuran. Pendekatan ini akan mencerakinkan semangat inklusiviti dan nilai keadilan yang akan menyumbang kepada kekayaan untuk dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia. Ia penting bagi memastikan setiap lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan yang adil dan saksama serta kesejahteraan semua rakyat berdasarkan prinsip kemakmuran bersama, atau *shared prosperity*. Keberhasilan strategi Bumiputera akan terangkum dalam setiap teras pendekatan ini.
5. Kerajaan komited untuk memastikan ekonomi negara terus membangun dan berkembang dengan utuh dan kukuh. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan “shared prosperity”, Kerajaan yakin bahawa jurang ekonomi antara golongan kaya dan miskin dan antara kaum akan dapat dirapatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
9 April 2019

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID  
[PADANG TERAP]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN : 10**

**Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk mengaplikasikan kaedah e-undi di dalam sistem pilihan raya dan apakah aspek-aspek yang perlu dipertimbangkan serta jaminan Kerajaan bahawa sistem tersebut selamat daripada sebarang manipulasi oleh pihak tertentu.

**JAWAPAN:     YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI**  
**DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebelum saya menjawab soalan ini, saya ingin memetik keputusan Mahkamah Tinggi India (Delhi) iaitu dalam kes Dr. Subramanian Swamy v Election Commission of India Through Its Secretary antaranya mengatakan bahawa:

“The introduction of electronic voting (also known as ‘e-voting’) is usually driven by one or a combination of the following factors:

- (i) Anticipated cost savings,
- (ii) Fraud reduction,
- (iii) Increased accuracy and speed of results tabulation,
- (iv) Voting anywhere in a constituency,
- (v) Improved accessibility for voters with disabilities and for remote/overseas communities and the lure of new technology.”

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) belum membuat ketetapan mengenai kaedah pengundian secara elektronik (e-undi) kerana penggunaan kaedah tersebut memerlukan kajian yang teliti dan mendalam. Penggunaan kaedah tersebut melibatkan implikasi kewangan dan tahap penerimaan yang berbeza oleh *stakeholders* yang terlibat. Pada masa ini, SPR sedang meneliti dan mengkaji kebaikan serta kesesuaian penggunaan kaedah tersebut dan akan mencadangkannya kepada Kerajaan jika didapati sesuai untuk dilaksanakan pada pilihan raya yang akan datang.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR [ JOHOR BAHRU ]**

**TARIKH SOALAN : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan:-

- a) langkah-langkah yang telah diambil untuk menarik minat khususnya golongan lepasan universiti ke dalam dunia keusahawanan; dan
- b) strategi kerjasama yang dijalankan bersama pihak universiti dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar universiti

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

**SOALAN (a)**

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi di bawahnya telah mengambil pelbagai langkah untuk menarik minat khususnya golongan lepasan universiti dalam dunia keusahawanan sebagai pilihan selain memohon pekerjaan melalui industri (*job seekers*).
2. Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:
  - i. Mengembangkan fungsi sedia ada iaitu program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) kepada *Professional Training and Education for*

*Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)* dengan memberi penekanan kepada latihan keusahawanan.

ii. Mengadakan program *Boot Camp* seperti Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp, *PROTEGE Boot Camp* oleh *PROTÉGÉ* dan *Boot Camp* oleh Institut Koperasi Malaysia bagi mempersiapkan usahawan muda dan golongan belia dengan menanam minat untuk menjadi usahawan dan merealisasikan perniagaan mereka.

iii. Memberi pendedahan dan inspirasi tentang keusahawanan, kepentingan inovasi dan perkongsian pengalaman dalam dunia keusahawanan melalui program komuniti dan jerayawara (*roadshow*) seperti *SPARK*, *Idea Lab* dan *Startup Weekend* turut disasarkan kepada golongan lepasan universiti dan penuntut tahun akhir institusi pengajian tinggi (IPT).

### **SOALAN (b)**

1. Agensi-agensi di bawah MED juga turut bekerjasama dengan pihak universiti dalam usaha menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar melalui program-program seperti berikut:

i. Program *SME-University Internship* dilaksanakan oleh SME Corp bagi meningkatkan prestasi dan produktiviti perniagaan PKS yang disertai oleh pelajar universiti. Program ini memberi peluang kepada pelajar untuk memperolehi kemahiran penting dalam persekitaran perniagaan yang sebenar. Sejak diperkenalkan pada tahun 2008, seramai 1870 pelajar daripada 16 institut pengajian tinggi awam (IPTA) yang mempunyai pusat atau unit keusahawanan dan 369 PKS telah terlibat dan mendapat manfaat melalui program ini.

ii. Selain itu, *MaGiC* turut menjalinkan kerjasama dengan universiti awam dan swasta sebagai sasaran untuk mendapatkan penyertaan bakal usahawan. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah ceramah, pertandingan inovasi perniagaan, gerai pameran dan kaunter khidmat nasihat.

**NO. SOALAN: 11**

iii. Institut Keusahawanan (INSKEN) juga telah merancang Kursus Asas Keusahawanan khusus untuk pelajar-pelajar IPT yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

iv. Institut Koperasi Malaysia (IKM) telah bekerjasama dengan universiti menganjurkan *Boot Camp/* konvensyen bagi menarik minat graduan untuk menjadi usahawan. Sebagai contoh, pada 30 April 2019, IKM akan menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan menganjurkan Konvensyen Keusahawanan Belia berfokus kepada graduan UiTM tahun akhir. Melalui konvensyen, graduan akan menjalani sesi saringan antaranya menduduki ujian psikometri untuk melayakkan peserta menjalani Bimbingan dan Latihan Keusahawanan daripada pihak IKM. Kumpulan graduan yang melepasi saringan dan yang benar-benar layak akan diberikan dana khas bagi memulakan perniagaan. Selain UiTM, pihak IKM juga dalam proses menjalankan kerjasama dengan Universiti Putra Malaysia dan Universiti Utara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [ KANOWIT ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 12**

**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kerajaan pusat benar-benar sedar dan faham dengan masalah sekolah daif di Sarawak dan seterusnya untuk menimbang dan mengembalikan kuasa penuh atau "*full autonomy*" kepada Sarawak dalam hal pelajaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin setiap permasalahan yang berlaku di institusi bawah kelolaan KPM. Sehingga kini, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sarawak melibatkan 198 buah sekolah dengan peruntukan berjumlah RM678.97 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Bagi tahun 2018 sahaja, sebanyak 116 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan peruntukan sebanyak RM416.58 juta. Sehingga 8 April 2019 sebanyak 68 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 48 sekolah lagi masih dalam peringkat pelaksanaan.

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM100 juta telah diluluskan melibatkan naik taraf dan pembangunan semula 32 buah sekolah daif di Sarawak. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) secara tender terbuka dan pelaksanaan dijangka bermula secara berperingkat pada Mei 2019.

Berdasarkan komitmen Kementerian untuk menyediakan infrastruktur pendidikan yang selamat, selesa dan kondusif, KPM juga telah mengambil inisiatif melaksanakan *monetization* bagi menyediakan peruntukan menaik taraf dan membangunkan semula sekolah-sekolah daif di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan merupakan tanggungjawab di bawah Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Semua institusi pendidikan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tertakluk kepada Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] di bawah bidang kuasa Menteri Pendidikan. Walau bagaimanapun, KPM bersedia bekerjasama Kementerian Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Sarawak bagi memastikan pendidikan di negara ini berada dalam tahap yang terbaik.

Sekian, terima kasih.

RJM 144

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN  
[KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 13**

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara purata, tempoh masa kerja bagi pemulihan kabel bawah laut yang rosak (*restoration of submarine cables*). Apakah langkah-langkah yang diambil untuk membetulkan kelemahan tersebut agar kesan kepada pembangunan dan daya saing industri telekomunikasi di Malaysia tidak terjejas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Laporan *International Cable Protection Committee* (ICPC) pada tahun 2016 mengenai purata tempoh masa kerja bagi pemulihan kabel dasar laut bagi Malaysia ialah 27 hari walaupun ada dilaporkan dalam kes tertentu mencecah 92 hari kelewatan bagi memulakan kerja memeriksa kerosakan sebelum membaiki bagi mendapatkan permit vesel. Tempoh pemulihan kabel dasar laut yang rosak disebabkan oleh pelbagai faktor dan punca kerosakan perlu dikenal pasti terlebih dahulu selepas dilaporkan oleh pihak terlibat.

2. Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah memastikan penyelarasan permohonan bagi permit kelulusan melibatkan pelbagai agensi. Ia telah pun di selaraskan melalui pemantauan Kementerian Pengangkutan dan telah dibangkitkan melalui Jawatankuasa Zon Ekonomi Eksklusif di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN : 14**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah pembinaan Jalan Meritam/Telahak/Buangabai/Pengkalan Rejab/Sungai Poyan Fasa 2 yang masih terbengkalai akan dimulakan dan bilakah tender baru pembinaan akan dibuka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, Projek

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak selaku agensi pelaksana projek ini melalui surat bertarikh 17 Januari 2019 telah menamatkan kontrak bagi Projek Jalan Meritam/ Telahak/ Bong Abai/ Pengkalan Rejab (Fasa 2) memandangkan kontraktor yang dilantik gagal menyiapkan projek tersebut sebagaimana yang dijadualkan. Pada masa ini status fizikal projek adalah 68.5% sebenar berbanding 100% jadual.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, pada masa kini pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak sedang menilai semula baki kerja yang perlu disiapkan dan meneliti semula kos yang diperlukan bagi penyiapan jalan tersebut dan seterusnya akan dikemukakan kepada pihak Kementerian sebelum diangkat ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk kelulusan selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan masjid dan surau di Pulau Labuan yang sudah diluluskan untuk bina baru dan naik taraf sebelum ini di bawah MAIWP dan JAWI seperti Masjid Jamek An-Nur, Pusat Bandar, Masjidul Iman, Kampung Sungai Bedaun, Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, Masjid Nur Iman, Kampung Ganggarak, Masjid Sirajul Islam, Kampung Tanjung Aru, Surau Baitul Makmur, Durian Tunjung, Suraul-Ikhlasiah, Kampung Belukut, Surau Darus Salam, Kampung Patau-Patau 2 dan Surau Nurul Islam Pusat Bandar .

**JAWAPAN: (YB. DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI) / (YB. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(i) Terdapat empat buah projek di bawah MAIWP iaitu Masjid Jamek An-Nur, Pusat Bandar, Masjid Sirajul Islam, Kampung Tanjung Aru, Surau Baitul Makmur, Durian Tunjung dan Suraul-Ikhlasiah, Kampung Belukut. Projek-projek ini kini sedang diusahakan untuk proses tender. Sebelum



proses tender dilaksanakan, maklumat tender projek-projek tersebut akan dibentangkan dalam Mesyuarat Spesifikasi dan disusuli dengan proses tender setelah selesai urusan tersebut. Pelantikan kontraktor dijangkakan dapat dilaksanakan pada akhir Jun 2019. Tempoh pembinaan setiap projek pula adalah dalam tempoh antara 18 hingga 24 bulan.

(ii) Manakala bagi tiga buah projek di bawah JAWI iaitu Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, Masjid Nur Iman, Kampung Genggarak, dan Surau Nurul Islam, Pusat Bandar, projek-projek ini belum lagi dilaksanakan. Mesyuarat penyelarasan JAWI-MAIWP pada Jun 2018 memutuskan agar semua projek baru yang belum ada komitmen ditangguhkan. JAWI dan MAIWP akan mengenalpasti semula serta mencari jalan penyelesaian terhadap status projek-projek yang ditangguhkan ini.

(iii) Projek Masjidul Iman, Kampung, Sungai Bedaun telah ditender semula. Kontraktor telah dilantik dan tempoh projek adalah selama 98 minggu. Projek ini dijangka siap pada 12 Januari 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB [ MARAN ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapakah jumlah pelancong yang datang ke Malaysia mengikut statistik setiap negara dan berapakah pulangan yang diterima oleh negara hasil dari kehadiran pelancong-pelancong berkenaan setelah Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pemerintahan selepas PRU-14 pada 9 Mei 2018 yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2018, sejumlah 25,832,354 orang pelancong asing telah melawat Malaysia. Manakala ketibaan pelancong asing mengikut negara meningkat 1.1% bagi tempoh **Mei sehingga Disember 2018** iaitu sebanyak 17.35 juta pelancong berbanding 17.17 juta pelancong bagi tempoh yang sama pada tahun 2017. Butiran adalah seperti jadual berikut:

**Jadual: Ketibaan Pelancong Mengikut Negara Bagi  
Tempoh Mei-Disember 2018**

| <b>BIL.</b> | <b>NEGARA</b>    | <b>MEI-<br/>DISEMBER<br/>2017</b> | <b>MEI-<br/>DISEMBER<br/>2018</b> | <b>Pertumbuhan<br/>%</b> |
|-------------|------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|--------------------------|
| 1           | Singapura        | 8,270,737                         | 7,208,543                         | -12.8                    |
| 2           | Indonesia        | 1,833,639                         | 2,234,344                         | +21.9                    |
| 3           | China            | 1,546,048                         | 1,935,135                         | +25.2                    |
| 4           | Thailand         | 1,177,071                         | 1,259,159                         | +7.0                     |
| 5           | Brunei           | 1,032,338                         | 914,300                           | -11.4                    |
| 6           | Korea Selatan    | 323,473                           | 413,039                           | +27.7                    |
| 7           | India            | 399,065                           | 414,064                           | +3.8                     |
| 8           | Filipina         | 256,502                           | 273,160                           | +6.5                     |
| 9           | Jepun            | 260,434                           | 263,299                           | +1.1                     |
| 10          | Vietnam          | 175,119                           | 266,811                           | +52.4                    |
| 11          | Taiwan           | 227,164                           | 256,869                           | +13.1                    |
| 12          | United Kingdom   | 234,655                           | 235,195                           | +0.2                     |
| 13          | Australia        | 226,509                           | 232,814                           | +2.8                     |
| 14          | Amerika Syarikat | 128,818                           | 168,014                           | +30.4                    |
| 15          | Bangladesh       | 70,126                            | 101,586                           | +44.9                    |

| <b>BIL.</b> | <b>NEGARA</b>  | <b>MEI-<br/>DISEMBER<br/>2017</b> | <b>MEI-<br/>DISEMBER<br/>2018</b> | <b>Pertumbuhan<br/>%</b> |
|-------------|----------------|-----------------------------------|-----------------------------------|--------------------------|
| 16          | Perancis       | 86,922                            | 91,124                            | +4.8                     |
| 17          | Arab Saudi     | 71,670                            | 85,995                            | +20.0                    |
| 18          | Jerman         | 66,149                            | 81,186                            | +22.7                    |
| 19          | Cambodia       | 27,341                            | 63,080                            | +130.7                   |
| 20          | Belanda        | 51,119                            | 56,490                            | +10.5                    |
| 21          | Kanada         | 41,911                            | 52,527                            | +25.3                    |
| 22          | Pakistan       | 33,656                            | 51,443                            | +52.8                    |
| 23          | Rusia          | 37,264                            | 37,866                            | +1.6                     |
| 24          | Itali          | 30,857                            | 36,051                            | +16.8                    |
| 25          | Iran           | 45,550                            | 35,734                            | -21.5                    |
| 26          | New Zealand    | 39,937                            | 33,951                            | -15.0                    |
| 27          | Sepanyol       | 26,144                            | 30,731                            | +17.5                    |
| 28          | Myanmar        | 28,199                            | 23,959                            | -15.0                    |
| 29          | Mesir          | 15,245                            | 18,224                            | +19.5                    |
| 30          | Sweden         | 17,047                            | 17,226                            | +1.1                     |
| 31          | Switzerland    | 11,245                            | 16,672                            | +48.3                    |
| 32          | Laos           | 27,317                            | 16,317                            | -40.3                    |
| 33          | Sri Lanka      | 36,893                            | 15,889                            | -56.9                    |
| 34          | Iraq           | 12,544                            | 15,562                            | +24.1                    |
| 35          | Afrika Selatan | 14,959                            | 15,139                            | +1.2                     |
| 36          | Poland         | 12,280                            | 14,892                            | +21.3                    |
| 37          | Denmark        | 12,615                            | 14,212                            | +12.7                    |
| 38          | Belgium        | 11,582                            | 13,758                            | +18.8                    |
| 39          | Ireland        | 13,748                            | 12,824                            | -6.7                     |

| BIL.          | NEGARA                   | MEI-<br>DISEMBER<br>2017 | MEI-<br>DISEMBER<br>2018 | Pertumbuhan<br>% |
|---------------|--------------------------|--------------------------|--------------------------|------------------|
| 40            | Nepal                    | 12,906                   | 12,556                   | -2.7             |
| 41            | Norway                   | 8,137                    | 9,199                    | +13.1            |
| 42            | Turki                    | 9,738                    | 9,085                    | -6.7             |
| 43            | Kazakhstan               | 8,678                    | 8,219                    | -5.3             |
| 44            | Ukraine                  | 6,552                    | 8,008                    | +22.2            |
| 45            | Emiriyah Arab<br>Bersatu | 6,308                    | 6,925                    | +9.8             |
| 46            | Lain-Lain                | 184,845                  | 273,712                  | +48.1            |
| <b>JUMLAH</b> |                          | <b>17,171,056</b>        | <b>17,354,888</b>        | <b>+1.1</b>      |

Sumber: Tourism Malaysia dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia

Mengikut laporan data yang diperolehi daripada Kajian Pemergian Pelawat yang dijalankan oleh Tourism Malaysia, perbelanjaan pelancong bagi tempoh **Mei sehingga Disember 2018** adalah sebanyak RM56.5 bilion, peningkatan sebanyak 4.0% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017 iaitu sebanyak RM54.4 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAJAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA  
(TENGGARA)

TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)

**SOALAN NO. 18**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme yang digunakan oleh Kementerian dalam melaksanakan program pembelajaran sepanjang hayat dalam rangka kerja (*frame work*) untuk memastikan rakyat mempunyai pekerjaan serta digajikan dengan sewajarnya dan apakah program yang dilakukan untuk menambah baik pasaran buruh.

PN-1412- L03108

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah merangka pelan latihan bagi program pembelajaran sepanjang hayat mengikut tiga (3) teras utama status pekerjaan di Malaysia; (1) Pra-Pekerjaan, (2) Pekerja Sedia Ada dan (3) Pasca Pekerjaan.
2. PSMB menjalankan projek perintis bagi Skim Latihan Dual Nasional – Perantisan dan *Graduates Enhancement Programme for Employability* (GENERATE) di bawah Teras Pra-Pekerjaan pada Januari 2019 yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran golongan lepasan sekolah dan graduan bagi mendapat peluang pekerjaan. Dalam menyokong usaha ini, Kerajaan telah memperuntukkan dana melalui bajet 2019 sebanyak RM20 juta menggunakan konsep geran padanan kepada PSMB.
3. Menerusi Teras Pekerja Sedia Ada, di samping skim latihan PSMB yang sedia ada yang mengikut permintaan majikan berdaftar (*employer driven*) seperti Skim Bantuan Latihan, PSMB telah memperkenalkan *Industrial Certification* (IndCert) bertujuan untuk membantu majikan berdaftar dengan PSMB meningkatkan nilai

## SOALAN NO: 18

rantaian syarikat menerusi latihan persijilan industri kepada pekerja tempatan mereka. Selain itu, bagi membolehkan pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia dapat diberikan kepada kemahiran pekerja yang berpengalaman, Skim Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu telah diperkenalkan semula dengan mekanisma yang lebih terperinci. Di samping itu, PSMB turut memperkenalkan *SME Graduates Scheme* bagi membantu meningkatkan rantai nilai Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

4. Bagi Teras Pasca Pekerjaan, skim latihan yang disenaraikan akan difokuskan untuk membantu golongan pasca pekerjaan yang akan menyumbang kepada ekonomi melalui kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI  
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [ BEAUFORT ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 19**

**Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun  
[ Beaufort ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- a) apakah insentif-insentif terkini Kementerian dalam menangani isu merokok di kalangan pelajar di bawah umur terutamanya pelajar di kawasan luar bandar ; dan
- b) berapakah statistik terkini bagi pelajar bawah umur yang terlibat dalam masalah merokok.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam menangani isu merokok dalam kalangan murid sekolah. Pelaksanaan intervensi dalam menangani isu merokok dalam kalangan murid sekolah dilaksanakan secara menyeluruh terhadap semua sekolah tanpa mengira lokasi sekolah sama ada bandar atau luar bandar. KPM telah menyediakan modul sebagai rujukan kepada guru-guru bimbingan dan kaunseling di sekolah bagi mengendalikan murid yang ketagihan merokok seperti berikut:

- i. Garis Panduan Pengendalian Murid Sekolah Yang Merokok hasil kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pendidikan; dan

- ii. Modul Kaunseling Berfokus Program Nafas Segar bagi Pendidikan Pencegahan Rokok dan Modul Kaunseling Berfokus Program Sinar Harapan bagi Pendidikan Pencegahan Dadah Dadah.

KPM juga dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan Program KOTAK (Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok) di sekolah seluruh negara. Melalui program ini, KPM berperanan membantu KKM dalam aktiviti saringan dan rawatan pencegahan yang dilaksanakan oleh Pasukan Pergigian dengan kerjasama pihak kaunselor sekolah. Selain itu, KPM turut menerapkan tentang bahaya gejala rokok dalam pelaksanaan aktiviti kokurikulum di sekolah iaitu melalui program peningkatan jati diri dan sahsiah untuk murid-murid dalam Pasukan Badan Beruniform (PBB). KPM turut bekerjasama dengan agensi kerajaan dan juga agensi bukan kerajaan bagi memberi ruang dan peluang kepada murid untuk menyertai pelbagai aktiviti sama ada di peringkat negeri dan kebangsaan.

Di samping itu, setiap murid digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan yang dianjurkan di sekolah selaras dengan Dasar 1Murid 1Sukan. Penglibatan murid secara aktif dalam aktiviti sukan dapat membendung daripada melakukan kegiatan yang tidak berfaedah, mengamalkan gaya hidup sihat dan bebas rokok. Walau bagaimanapun kerjasama semua pihak termasuk sekolah, ibu bapa dan komuniti perlu untuk memastikan murid-murid tidak terlibat dengan penularan gejala rokok.

(b) Berdasarkan Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM), jumlah murid yang direkodkan melakukan kesalahan yang berkaitan rokok di sekolah bagi tahun 2018 adalah seramai 12,150 orang. Jumlah ini meningkat daripada 8,513 pada tahun 2017. Kesalahan yang direkodkan meliputi kesalahan seperti berikut:

- i. memiliki dan menyimpan rokok;
- ii. membekalkan menawarkan rokok;
- iii. menjual dan mengedar rokok; dan
- iv. menghisap rokok.

Sekian, terima kasih. RJM 141

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN  
TUANKU JAAFAR [ SANTUBONG ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha dan dana disediakan oleh Kementerian untuk membawa balik dokumen-dokumen artifak dan warisan negara yang telah dirompak, dicuri dan dibawa keluar dari negara ini dan berada di negara-negara lain. Sudahkah negara-negara, muzium-muzium penyimpanan dan individu-individu dikenalpasti, dihubungi. Jikalau tidak kenapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM), Jabatan Warisan Negara (JWN), Arkib Negara Malaysia (ANM) dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) menjalankan usaha berterusan bagi membawa balik dokumen, artifak dan warisan negara yang berada di luar negara. Bahan-bahan sejarah dan artifak negara sememangnya banyak berada di luar negara dan tersimpan di tempat-tempat tertentu seperti di muzium-muzium dan ada juga yang dimiliki oleh orang perseorangan. Sebahagian koleksi ini tidak dapat dibawa pulang kerana tertakluk kepada undang-undang tertentu negara berkenaan. Antara usaha yang dijalankan adalah seperti berikut:

- a) ANM telah melaksanakan fungsi mengesan dan memperolehi rekod-rekod dan maklumat tentang sejarah ketamadunan negara Malaysia dari institusi dan orang perseorangan luar negara sejak dari tahun 1964. Rekod-rekod yang diperolehi terdiri daripada pelbagai

bentuk seperti mikrofilem, gambar, filem sinematografi, bahan digital, peta, pelan, terbitan rasmi, lakaran (*sketch*) dan manuskrip. Anggaran jumlah bahan yang diperolehi sehingga kini ialah sebanyak 9,000 hingga 10,000. Salinan rekod-rekod tersebut diperolehi dari Arkib Negara Australia, Belanda, Jepun, India, New Zealand dan United Kingdom bertarikh seawal tahun 1800 hingga 1900. Selain daripada itu, ANM juga menjalankan projek pendigitalan bahan melalui MoU dengan institusi-institusi yang telah dikenal pasti menyimpan koleksi sejarah negara yang telah diimbis dan dimuat naik dalam sistem *Online Finding Aid* (OFA) Arkib Negara bagi memudahkan capaian dan rujukan oleh orang awam;

b) JWN pada tahun 2006 telah membawa masuk dua jasad pahlawan Melayu yang dikebumikan di Singapura iaitu jasad Laksamana Muhammad Amin untuk dikebumikan semula di Makam Diraja, Bukit Chandan, Kuala Kangsar dan jasad Tengku Menteri Ngah Ibrahim untuk dikebumikan semula di Muzium Matang. Selain itu, JWN juga telah membawa masuk rangka manusia purba Gua Cha, Kelantan dari *University of Cambridge* pada tahun 2008 untuk dipamerkan di Muzium Negara;

c) JMM telah membeli semula beberapa artifak bernilai sejarah pada tahun 2001 dengan membawa pulang artifak dari London yang terdiri daripada 8 koleksi etnologi iaitu senjata Melayu dan topeng Dayak yang bernilai RM 1,037,634.84. Jabatan Muzium Sarawak juga sedang dalam proses rundingan untuk membawa pulang rangka manusia Gua Niah yang menjadi bahan kajian sejak 50 tahun di Universiti Nevada, Amerika Syarikat dan dijangka selesai pada Disember 2019 nanti;

d) PNM telah memperolehi sejumlah 780 salinan manuskrip Melayu lama dari institusi-institusi penyimpanan bahan di luar negara seperti *National Library Board Singapore*, *Bibliothèque Nationale de Paris*, *Leiden University Library*, Belanda, *Cambridge University Library* dan *British Library*, London. PNM kini dalam proses membangunkan pangkalan data Katalog Induk Manuskrip Melayu sebagai satu usaha untuk menyimpan rekod bibliografi manuskrip Melayu;

e) PNM juga telah memperoleh sebanyak 3,668 naskhah bahan nadir Malaysiana yang diperolehi dari dalam dan luar negara seperti United Kingdom. Bahan nadir yang diperolehi ini merangkumi koleksi bahan penerbitan bahasa dan kebudayaan Melayu, pendidikan dan sejarah negara Malaysia.

Untuk makluman, di bawah Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKe-11), ANM telah diberi peruntukkan sebanyak RM 2 juta untuk menjalankan kajian dan perolehan bahan di dalam dan luar negara. Selain itu, Kementerian ini juga mempunyai Kumpulan Wang Warisan yang ditubuhkan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] yang boleh digunakan untuk tujuan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS  
[HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 21**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam menjaga nilai kemanusiaan, apakah inisiatif Kementerian untuk mengelakkan kakitangan Kementerian Kesihatan yang bercerai akibat jarak jauh tempat kerja antara suami dan isteri.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa menjaga nilai kemanusiaan dan mengambil berat tentang kebajikan anggota kesihatan KKM khususnya yang melibatkan pasangan suami isteri yang berjauhan dalam urusan penempatan dan pertukaran.

Untuk makluman, permohonan pertukaran adalah dibuka sepanjang tahun dan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran di KKM. Jawatankuasa ini bersidang secara berkala iaitu dua bulan sekali bagi Pegawai Perubatan. Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2012 telah menggariskan dasar dan prosedur pertukaran.

Secara umumnya, pertimbangan pertukaran tertakluk kepada kekosongan jawatan dan dilaksanakan dengan mengambil kira hal ehwal kebajikan pegawai. Selain itu, permohonan pertukaran juga dipertimbang berasaskan kepada kepentingan perkhidmatan dengan

mengambil kira keperluan penggantian dan kepakaran pegawai di tempat sedia ada dan di fasiliti di mana pegawai akan ditukarkan.

Pada masa yang sama, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) telah diberi penurunan kuasa bagi penempatan pegawai di peringkat gred 54 dan ke bawah untuk melancarkan urusan penempatan yang bersesuaian dengan keperluan perkhidmatan di samping mengambil kira aspek kekeluargaan pegawai yang memohon untuk bertukar.

Bagi tahun 2017 hingga Disember 2018, KKM telah menimbangkan sebanyak 13,338 permohonan pertukaran Pegawai Perubatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,367 adalah permohonan pertukaran mengikut pasangan. Sebanyak 3,149 daripada jumlah berkenaan telah diluluskan manakala 2,218 tidak dapat dipertimbangkan atas kekangan perjawatan dan kepentingan perkhidmatan. Manakala bagi Pegawai Perubatan Siswazah pula, dari tahun 2016 hingga 2018, terdapat sebanyak 473 permohonan di mana 138 adalah permohonan pertukaran mengikut pasangan. Daripada jumlah permohonan mengikut pasangan tersebut, sebanyak 105 permohonan telah diluluskan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)**

**DARIPADA : Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]**

**SOALAN : 22**

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) elaun bulanan Duta Khas ke China dan status jawatan ini serta berapa jumlah kakitangan dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan; dan
- (b) elaun bulanan CEO dan kakitangan *Malaysia-China Business* diterajui oleh Duta Khas tersebut.



**JAWAPAN:     YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI**  
**DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1.     Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, elaun bulanan sebagai Duta Khas Malaysia ke Republik Rakyat China iaitu YB Tuan Tan Kok Wai adalah berdasarkan kelayakan anggota Perkhidmatan Awam Gred Utama A. Status Lantikan tersebut adalah secara *Contract for Service* (CFS) iaitu dari 25 Julai 2018 hingga 24 Julai 2020.
  
2.     Manakala, elaun bulanan CEO Malaysia-China Business dibiayai sendiri oleh *Malaysia-China Business Council* dan tidak tertakluk kepada mana - mana peraturan atau peruntukan kerajaan. Jumlah keseluruhan kakitangan MCBC adalah sebanyak enam (6) orang sahaja termasuk CEO.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L  
KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019  
MENJAWAB**

**SOALAN : 23**

**YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada tindakan akan diambil terhadap hakim-hakim yang telah pun bersara berikutan pendedahan Hamid Sultan Abu Backer tersebut memandangkan pendirian Ketua Hakim baru-baru ini bahawa tiada tindakan boleh diambil terhadap hakim-hakim tersebut oleh kerana mereka telah pun bersara.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada 20 Februari 2019 memutuskan supaya suatu Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan dan tindakan mengenai penubuhannya sedang diambil selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119].
2. Yang di-Pertuan Agong boleh menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat apa-apa perkara lain yang siasatannya, pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, berfaedah bagi kebajikan awam melalui tauliah Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 2 Akta 119 seperti yang berikut:

***“Pengeluaran Tauliah***

**2.** (1) *Yang di-Pertuan Agong boleh, jika didapatinya suai manfaat berbuat demikian, mengeluarkan suatu Tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih dan memberi kuasa Pesuruhjaya itu untuk menyiasat—*

- (a) *kelakuan mana-mana pegawai persekutuan;*
- (b) *penjalanan atau pengurusan mana-mana jabatan perkhidmatan awam Malaysia;*

- (c) *penjalanan atau pengurusan mana-mana institusi awam yang tidak semata-mata disenggarakan dengan kumpulan wang Negeri; atau*
- (d) **apa-apa perkara lain yang siasatannya, pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, berfaedah bagi kebajikan awam, iaitu bukan—**
  - (i) *suatu perkara yang melibatkan apa-apa soal yang berhubungan dengan agama Islam atau adat Melayu; atau*
  - (ii) *berhubung dengan Sabah atau Sarawak, suatu perkara yang dinyatakan dalam butiran 10 Senarai Negeri:*

*Dengan syarat bahawa jika mana-mana pegawai persekutuan yang kelakumannya dicadangkan untuk disiasat itu, telah pada masa melakukan kelakuan itu, berkhidmat dalam suatu jabatan perkhidmatan awam sesuatu Negeri, tauliah itu hendaklah dikeluarkan hanya dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri itu.”.*

3. Seksyen 3 Akta 119 pula memperuntukkan terma tauliah hendaklah menyatakan perkara siasatan antaranya bilangan Pesuruhjaya, tempat siasatan dijalankan dan tatacara pelaksanaan siasatan seperti yang berikut:

***“Terma Tauliah***

**3.** (1) *Suatu Tauliah yang dikeluarkan di bawah seksyen 2 hendaklah menyatakan perkara siasatan itu dan boleh, menurut budi bicara Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri mengikut mana-mana yang berkenaan—*

(a) *jika terdapat lebih daripada seorang Pesuruhjaya, mengarahkan—*

(i) *Pesuruhjaya mana yang menjadi Pengerusi; dan*

(ii) *bilangan Pesuruhjaya yang akan membentuk suatu kuorum;*

(b) *mengarahkan di mana dan bila siasatan itu boleh diadakan dan laporannya akan diserahkan;*

(c) *mengarahkan sama ada siasatan itu atau mana-mana bahagiannya boleh diadakan atau tidak boleh diadakan secara terbuka; dan*

(d) *amnya menetapkan bagaimana Tauliah itu boleh dilaksanakan.*

*(2) Apabila Tauliah itu menyatakan bilangan Pesuruhjaya yang akan membentuk kuorum, bilangan Pesuruhjaya yang dinyatakan sedemikian boleh, dalam ketiadaan Pesuruhjaya yang lain itu, menjalankan segala atau mana-mana kuasa yang diberikan kepada Pesuruhjaya itu oleh Akta ini.”*

4. Selepas siasatan selesai dijalankan, Suruhanjaya Siasatan Diraja akan kemukakan satu laporan kepada Kerajaan yang turut mengandungi apa-apa tindakan yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM [PENDANG]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 | SELASA**

**SOALAN**

**Tuan Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah ahli lembaga pengarah Syarikat SPV yang ditubuhkan oleh Kementerian untuk menyemak semula Tabung Haji dan anak-anak syarikatnya telah dilantik.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Dipertua,

Ahli lembaga pengarah Urusharta Jamaah Sdn Bhd yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan telah dilantik dan ketika ini terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Kewangan dan seorang pengarah bebas. Kesemua mereka mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang kewangan dan yang berkaitan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [ BATU ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah keutamaan Kementerian Luar (termasuk Kementerian Pengangkutan) bagi menyelesaikan konflik ruang udara Malaysia Singapura, pencerobohan ruang udara Pasir Gudang dan sehingga hari ini di manakah tahap progress daripada kesepakatan yang telah diambil. Adakah Malaysia akan membuka ruang udaranya untuk Singapura dan jika keadaan berlaku dalam keadaan vice versa adakah Singapura akan membuka ruang udaranya untuk Malaysia? Apakah mekanisme Kerajaan untuk mempertahankan kedaulatan negara di dalam masa yang sama untuk menjaga keharmonian antara Malaysia-Singapura.



**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Pada 1 Disember 2018, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) telah menyiarkan tatacara Instrument Landing System (ILS) yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam *Singapore Aeronautical Information Publication* (SAIP) yang akan berkuatkuasa mulai 3 Januari 2019, tanpa persetujuan Malaysia.
2. Susulan tindakan tersebut, pada 5 Disember 2018, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah menyerahkan Nota Bantahan kepada Singapura melalui Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia. Nota Bantahan ini antara lain mendesak supaya Singapura menarik balik penyiaran tatacara ILS yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam SAIP.
3. Pada 12 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan kenyataan media yang antara lain menegaskan bahawa Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) tidak pernah bersetuju atau memberi sebarang kelulusan kepada CAAS terhadap penyiaran tatacara tersebut. Di samping itu, Malaysia turut mencadangkan supaya Singapura mewujudkan alternatif ILS untuk Landasan 03 di bahagian selatan Lapangan Terbang Seletar, Singapura tanpa perlu melalui ruang udara Pasir Gudang, Johor.
4. Pada 25 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah menyiarkan *Notice to Airmen* (NOTAM) bagi mewujudkan satu Kawasan Larangan Kekal (*permanent restricted area*) atau lebih dikenali sebagai R.A. di ruang udara Pasir Gudang, Johor (di antara 2,000 hingga 5,000 kaki) yang berkuatkuasa mulai 2 Januari 2019.
5. Penyiaran NOTAM tersebut adalah selaras dengan *Article 9(a) Convention of International Civil Aviation 1944 (Chicago Convention)* yang membenarkan sesebuah negara untuk mengisytiharkan

*'restricted area'* atau *'prohibited area'* di ruang udara kedaulatannya atas sebab-sebab keperluan ketenteraan atau keselamatan awam. Ia juga adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, CAAM di bawah seksyen 24(o) Akta Penerbangan Awam 1969 untuk menyiarkan NOTAM berkenaan.

6. Pengisytiharan R.A adalah bagi membolehkan aktiviti ketenteraan dilaksanakan di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, pengisytiharan tersebut juga boleh menghalang kemungkinan sebarang pencerobohan ruang udara kedaulatan negara.
7. Pewujudan R.A. ini turut tidak akan menjejaskan operasi penerbangan pesawat yang menggunakan tatacara visual approach sedia ada untuk pendaratan melalui Landasan 21 di bahagian utara di Lapangan Terbang Seletar, Singapura.
8. Berdasarkan kepada tarikh kuatkuasa tatacara ILS di Lapangan Terbang Seletar pada 3 Januari 2019, Malaysia mewujudkan R.A. berkenaan dengan menyiarkan NOTAM dengan mengambil kira tempoh sekurang-kurangnya 7 hari mengikut piawaian antarabangsa bagi penguatkuasaan bermula pada 2 Januari 2019 .
9. Sejurus rundingan antara YB Menteri Luar Malaysia dan Menteri Luar Singapura pada 8 Januari 2019, kedua-dua prosedur ILS dan R.A. digantung secara serentak untuk tempoh sebulan agar penyelesaian terbaik dapat dicapai oleh kedua-dua pihak.
10. Pada mesyuarat peringkat Menteri Pengangkutan pada 23 Januari 2019, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk melanjutkan penggantungan pelaksanaan ILS dan R.A. sehingga 31 Mac 2019 bagi memberi ruang kepada perbincangan dua hala yang sedang berlangsung antara Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) dan Civil Aviation Authority Singapura (CAAS). Setakat ini, CAAM dan CAAS telah mengadakan empat (4) mesyuarat untuk membincangkan cadangan tatacara pendaratan alternatif iaitu *Required Navigation Performance* (RNP) bagi Lapangan Terbang Seletar.

11. Selanjutnya, Menteri Pengangkutan Malaysia dan Singapura juga telah bersetuju untuk menubuhkan satu kumpulan kerja untuk membincangkan tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia yang diwakilkan kepada Singapura melalui Surat Perjanjian *Operational Letter of Agreement between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departures and Overflights* (OLOA 1974). Terma rujukan bagi jawatankuasa ini sedang dirundingi oleh kedua-dua pihak.
12. Berasaskan kepada semangat kerjasama dua hala di antara kedua-dua negara, bermula jam 2359, 5 April 2019 pihak Singapura telah menarik balik penyiaran tatacara Instrument Landing System (ILS) yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam *Singapore Aeronautical Information Publication* (SAIP). Manakala, Malaysia telah bersetuju untuk meneruskan penggantungan pelaksanaan RA untuk satu tempoh yang tidak ditetapkan bermula 2359, 5 April 2019. Walau bagaimanapun, Malaysia mempunyai hak untuk melaksanakan semula pelaksanaan RA tersebut pada bila-bila masa melalui notifikasi kepada Singapura.
13. Merujuk tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor yang selama ini (semenjak tahun 1974) diwakilkan kepada Singapura untuk tujuan penyediaan perkhidmatan kawalan trafik udara, pihak Kerajaan Malaysia pada 29 November 2018, 22, 23 Januari 2019, 22 Mac 2019 dan 3 April 2019 juga telah memaklumkan Singapura berkenaan rancangan Malaysia untuk mengambil balik ruang udara kedaulatannya secara berperingkat, iaitu peringkat pertama dijangka sekitar akhir tahun 2019 dan peringkat seterusnya pada tahun 2023.
14. Rancangan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor perlu dilakukan secara berperingkat bagi menyelaraskan tatacara perkhidmatan kawalan trafik udara antara pihak penyedia perkhidmatan pengemudian udara (*air navigation services provider*) di kedua-dua negara, demi menjamin pergerakan pesawat yang selamat, cekap dan teratur.

15. Pihak Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan kepentingan negara terus terpelihara. Isu-isu yang melibatkan kepentingan strategik pengurusan ruang udara negara akan terus diberi perhatian utama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI  
[ PASIR MAS ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 26**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [ Pasir Mas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan peminjam PTPTN yang tertunggak dan berapa peratus bilangan pelajar yang tertunggak hutang PTPTN melebihi 5 dan 10 tahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2019, seramai 1,921,222 orang peminjam patut mula membayar balik pinjaman melibatkan RM20.91 bilion. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,563,404 orang peminjam telah membuat bayaran balik dengan jumlah kutipan terkumpul sebanyak RM14.52 bilion. Walau bagaimanapun, daripada jumlah keseluruhan yang patut dikutip tersebut, sebanyak RM6.39 bilion masih lagi tertunggak dan belum dapat dikutip. Daripada jumlah tunggakan berkenaan, sebanyak RM2.81 bilion adalah tunggakan daripada 357,818 orang peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik, manakala RM3.58 bilion lagi adalah tunggakan daripada peminjam yang sedang membuat bayaran balik tetapi kurang daripada jadual yang ditetapkan.

Daripada 357,818 orang peminjam yang tidak pernah membuat bayaran balik, manakala 41.42 peratus orang peminjam mempunyai hutang PTPTN melebihi 5 tahun dan 5.18 peratus orang peminjam mempunyai hutang PTPTN melebihi 10 tahun.

Sekian, terima kasih. RJM 138

**DEWAN RAKYAT**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW**  
**[ SIBU ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN : 27**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah SPR akan melaksanakan penurunan umur ke 18 tahun supaya mereka boleh mendaftar untuk mengundi. Bagaimana SPR memastikan semua pilihan raya yang akan datang lebih bersih, adil dan bebas.

**JAWAPAN:     YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan secara prinsipnya telah meluluskan cadangan untuk menurunkan umur layak mendaftar sebagai pemilih dari 21 tahun kepada 18 tahun. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Peguam Negara sedang meneliti cadangan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan dan peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengan pilihan raya bagi tujuan pelaksanaan cadangan tersebut.

SPR telah melaksanakan pelbagai pendekatan dalam memastikan pilihan raya dilaksanakan dengan bersih, adil dan bebas. Dalam memastikan hasrat tersebut dilaksanakan dengan jayanya, SPR telah melaksanakan pelbagai penambahbaikan semasa Pilihan Raya Kecil (PRK) yang diadakan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 seperti berikut:

- (i) Menjemput pemerhati pilihan raya dari kalangan agensi Kerajaan, badan berkanun, badan bukan Kerajaan (NGO) dan individu yang berkecualan semasa pilihan raya;
- (ii) Menambah tempat mengundi (saluran) bagi pengundi yang berumur 60 tahun ke atas menjadi dua tempat mengundi;
- (iii) Mengurangkan jumlah pengundi daripada 750 kepada 600 orang pengundi di saluran ;

- (iv) Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) ditempatkan di saluran 1 di pusat mengundi yang terlibat;
- (v) Melaksanakan penyiaran urusan perjalanan pilihan raya melalui *live streaming* di *Facebook* SPR;
- (vi) Mengemukakan Surat Pematuhan Peraturan Kampen Pilihan Raya Semasa Tempoh Berkampen dan Hari Mengundi dan Surat Aku Janji Calon Semasa Tempoh Berkampen dan Hari Mengundi kepada parti politik dan calon; dan
- (vii) Mengeluarkan *voter's card* kepada setiap pengundi bagi PRK yang berkaitan.

Selain itu, SPR juga sentiasa mengkaji kesesuaian dalam melaksanakan usaha penambahbaikan khususnya berkaitan pengurusan dan operasinya bagi memastikan fungsi-fungsi utama SPR dilaksanakan dengan telus, berintegriti dan efektif. Setiap usaha tersebut hendaklah berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan lunas sistem demokrasi negara.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL  
RAHMAN  
[ PASIR SALAK ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 28**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah kaedah kerajaan untuk mengagihkan kekayaan negara secara adil kepada semua rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menekankan manfaat ekonomi untuk semua rakyat tanpa mengira kaum, gender dan latar belakang sosioekonomi. Intervensi Kerajaan akan menyediakan peluang yang saksama kepada semua rakyat untuk menerima faedah dan mengambil bahagian dalam pembangunan negara berasaskan kepada prinsip keperluan atau *needs-based*. Bagi memastikan pengagihan kekayaan negara secara adil, fokus akan diberikan kepada pendekatan pembangunan yang inklusif, melalui tumpuan khusus bagi meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) di seluruh negara. Strategi utama bagi meningkatkan pendapatan isi rumah B40 adalah seperti berikut:
2. Pertama: **Pembangunan Modal Insan dan Gunatenaga** dengan mengurangkan kadar keciciran pelajar; meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; menarik pelaburan ke kawasan majoriti B40 untuk mencipta peluang pekerjaan dengan pendapatan yang lebih baik, meningkatkan kebolehpasaran dan *employability* graduan;
3. Kedua: **Pembangunan Keusahawanan** dengan menyediakan sokongan keusahawanan secara bersepadu termasuk pembiayaan dan bimbingan; pembangunan kapasiti dan kapabiliti, membangunkan perusahaan berasaskan komuniti; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; menarik pelaburan ke kawasan majoriti B40 untuk mencipta peluang perniagaan yang lebih luas, menggalakkan keusahawanan secara atas talian (*online*) dan keusahawanan sosial; dan

4. Ketiga: **Meningkatkan Pemilikan Kekayaan** dengan memperluas program pelaburan seperti Amanah Saham Wawasan (ASW), Amanah Saham Gemilang (ASG) dan Amanah Hartanah Bumiputera (AHB).
5. Selain daripada langkah-langkah di atas, Kerajaan juga akan menambah baik program dan skim bantuan yang ditujukan khas kepada isi rumah B40 yang masih dibelenggu kemiskinan supaya mereka dapat hidup sejahtera dan tidak tertinggal daripada arus pembangunan.
6. Dalam pada itu, penekanan akan turut diberikan kepada aspek perubahan minda dan pembentukan sifat peribadi unggul supaya isi rumah B40 mempunyai sikap berdikari, percaya kepada kebolehan sendiri dan cekal berusaha seperti rakyat di negara maju.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

9 April 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD [ PARIT SULONG ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN : 30**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah lawatan kerja Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dilaporkan ditaja oleh syarikat perjudian Da Ma Cai dan apakah tindakan yang akan dikenakan kerana ianya adalah "*conflict of interest*".

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan kerja yang dibuat oleh pihak PDRM ke Istanbul, Turki pada 8hb hingga 11hb Februari 2019 yang diketuai oleh Ketua Polis Negara bersama 12 orang lagi pegawai kanan polis adalah lawatan rasmi yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Lawatan kerja sambil belajar ini ditaja oleh Lembaga Totalisator Malaysia (LTM) yang merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan mengikut Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961 yang diletakan di bawah seliaan Kementerian Kewangan Malaysia. PDRM mempunyai hubungan secara langsung dengan LTM yang berperanan untuk menasihati LTM tentang amalan terbaik (*best practices*) dalam menangani kegiatan bookie haram di kelab-kelab lumba kuda di Malaysia.

Setiap tahun bermula pada tahun 2012, LTM akan memperuntukan sejumlah bajet kepada PDRM untuk tujuan lawatan kerja atau membuat penyelidikan bagi penambahbaikan industri perlumbaan kuda seperti yang

dihuraikan di bawah seksyen 4 Akta Perlumbaan (Lembaga Totalisator) 1961. Ahli Lembaga Pengarah LTM boleh meluluskan peruntukan tanpa perlu merujuk kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan.

Lawatan kerja yang pernah diluluskan oleh LTM kepada PDRM seperti berikut:

- i) 12-17 Jun 2012 – Lawatan ke Hong Kong melibatkan 15 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 69,763.00;
- ii) 10-14 Jun 2013 – Lawatan Ke Australia melibatkan 10 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan sejumlah RM 95,040.00;
- iii) 1-6 Mei 2014 - Lawatan Ke Turki, melibatkan 8 orang delegasi daripada Jabatan Siasatan Jenayah dengan peruntukan RM 128,400.00; dan
- iv) Pada 16 Mac 2017 - Ahli Lembaga Pengarah LTM telah meluluskan peruntukan RM 184,648.00, namun atas sebab kesibukan dan kekangan penugasan, PDRM terpaksa menunda lawatan pada tahun berkenaan dan hanya berkesempatan membuat lawatan pada 8-11 Februari 2019 baru-baru ini ke Turki melibatkan 13 orang Pegawai Kanan Polis yang diketuai oleh Ketua Polis Negara sendiri.

Menyentuh hasil dan menafaat yang diperolehi sepanjang lawatan tersebut, terdapat tiga (3) sesi lawatan telah diadakan bersama Pihak Berkuasa Turki, Antara lokasi lawatan kerja yang diadakan adalah seperti berikut:

- 1) Lawatan ke Ibu Pejabat Istanbul Provincial Police;
- 2) Lawatan ke Veliefendi Race Course; dan
- 3) Lawatan ke Bangunan Jockey Club of Turkey (TJK).

Objektif lawatan yang diatur ke lokasi berkenaan kerana mempunyai kaitan dengan penugasan dalam negara seperti berikut:-

- i) Mengadakan perbincangan dua hala antara PDRM dan Pihak Berkuasa Turki mengenai kaedah pembanterasan, dan menangani aktiviti pertaruhan haram secara “*on course*” atau “*off Course*” di kelab-kelab lumba kuda;
- ii) Mendalami isu-isu berkaitan pendakwaan dan pembuktian kes yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Turki dan kaedah yang digunakan bagi mengatasi masalah berkenaan;
- iii) Mengeratkan hubungan dua hala dan kerjasama dengan pihak berkuasa Negara Turki dalam menangani jenayah rentas sempadan dan isu-isu jenayah terkini; dan
- iv) Meningkatkan kualiti siasatan dengan mengambil pendekatan digunakan oleh negara luar dari segi penggubalan undang-undang baru dan penggunaan teknologi terkini selaras dengan peredaran masa.

Lawatan ini juga tidak menimbulkan sebarang konflik kepentingan (*Conflict of Interest*) memandangkan rangka kerja lawatan adalah untuk mencari pendekatan baru yang digunakan oleh negara luar sebagai penanda aras untuk diaplikasikan dalam negara bagi pembanterasan pertaruhan haram di kelab lumba kuda. Di samping itu, lawatan ini adalah teratur dengan menggunakan peruntukan yang dibenarkan oleh undang-undang dan mengikut segala prosedur yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN : 31**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah Kementerian berhasrat untuk menyambung semula projek naik taraf Jalan Mangkubau Laut, Pitas yang telah diluluskan sebelum ini yang bernilai RM130 juta tetapi telah ditangguhkan pelaksanaannya. Jalan ini merupakan jalan utama bagi penduduk kampung dan di sepanjang laluan jalan terdapat banyak penempatan selain sekolah dan klinik Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Jalan Mongkubou Laut, Pitas, Sabah telah diluluskan semula bagi pelaksanaan di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe-11) Tahun 2019 dengan kos RM113 juta. Status terkini projek adalah di peringkat perolehan. Projek dijangka akan ditender pada akhir bulan Mac 2019 oleh Jabatan Kerja Raya Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[BALING]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah rasional Kerajaan menggalakkan pekebun-pekebun sawit memperoleh Pensijilan Minyak Sawit Mampan Negara (MSPO) dan sejauh manakah pengenalan sijil tersebut akan memberi nilai tambah kepada industri sawit negara.



**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Usaha untuk memandatorikan MSPO merupakan langkah ke arah mewujudkan sistem kemampanan yang diterima secara global dalam menjenamakan minyak sawit Malaysia di peringkat antarabangsa yang seterusnya diterima sebagai pilihan utama pengguna dunia. Ini bermakna, MSPO akan membuka akses pasaran lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan Malaysia di negara-negara pengimport. Ini seterusnya akan meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui akses pasaran yang lebih luas dengan hasil yang lebih berkualiti, mesra alam dan mampan.

Untuk memastikan pensijilan MSPO diterima oleh pasaran antarabangsa terutamanya Eropah dan Amerika Syarikat, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) giat menjalankan promosi melalui penyertaan dalam seminar dan pameran antarabangsa serta berkolaborasi dengan badan pensijilan global seperti *International Sustainability and Carbon Certification* (ISCC). Antara perkembangan positif yang telah dicapai adalah pengiktirafan oleh Jawatankuasa Olimpik Jepun sebagai salah satu pensijilan kemampanan untuk perolehan minyak sawit bagi penganjuran Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan penerimaan MSPO dalam *Indian Palm Oil Sustainability Framework* (IPOS). Perbincangan juga sedang diadakan dengan *China Green Food Development Center* untuk mendapatkan pengiktirafan MSPO di Negara China.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR.HASAN BIN BAHAROM  
[ TAMPIN ]**

**TARIKH : 09 APRIL 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi menggalakkan rakyat Malaysia khususnya di luar bandar bagi memaksimumkan penggunaan kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan kereta api ataupun komuter berbanding menggunakan kenderaan sendiri.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif terbaru dengan pelaksanaan diskaun kadar tambang sebanyak 20% bagi perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 1 April 2019. Ini adalah untuk memastikan faedah dan kemudahan yang sama turut diperolehi oleh warganegara Malaysia yang menggunakan perkhidmatan KTMB (komuter di sektor Lembah Klang, Utara dan Selatan).
2. Kos pengangkutan merupakan faktor ketiga tertinggi yang menyumbang kepada kos sara hidup. Pelaksanaan diskaun tambang ini akan membolehkan pengguna terutamanya golongan B40 mengurangkan jumlah perbelanjaan bulanan untuk tambang pengangkutan awam dan lebihan wang yang berupaya dijimatkan boleh digunakan untuk menampung kos sara hidup yang lain.
3. Pemberian diskaun tersebut merangkumi semua jenis kadar tambang secara tunai mahupun cashless dan dijangka akan memanfaatkan kira-kira 94,000 penumpang komuter di 5 jajaran iaitu Padang Rengas – Butterworth, Butterworth – Padang Besar, Port Klang – Tanjung Malim, Seremban – Batu Caves dan Sungai Gadut – Tampin.
4. Pelaksanaan diskaun kadar tambang ini diyakini akan dapat meningkatkan jumlah penumpang komuter antara 120,000 ke 130,000 pengguna sehari.

5. Kementerian juga sedang menjalankan kerja-kerja pembaikan landasan keretapi di Pantai Timur iaitu dari Gemas ke Mentakab, Jerantut ke Gua Musang dan Gua Musang ke Tumpat. Sementara itu, projek landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Baharu pula dijangka siap pada Oktober 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
(MACHANG)

TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)

**SOALAN NO. 34**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah kadar penglibatan pekerja tempatan dalam sektor 3D (*Dirty, Dangerous, Difficult*) dan apakah perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan lagi kadar penglibatan pekerja tempatan dalam sektor ini.

PN-1412- L03101

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Konsep asal 3D adalah dari Jepun iaitu kitanai, kiken, kitsui (3K) bermaksud *dirty, dangerous and demanding* merujuk kepada pekerjaan yang dilakukan oleh buruh di negara tersebut. Antara contoh pekerjaan 3D ini adalah akupuntur, jurutera, jururawat, pendandang, pekerja binaan, pemandu, pencuci, pengimpal, penyelam dan pekerja ladang. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization, ILO*) mengklasifikasikan pekerjaan 3D ini di bawah program keselamatan kerja di mana keutamaan diberikan kepada jenis pekerjaan dan sektor yang paling berbahaya. Terdapat 71 jenis pekerjaan yang dikategorikan sebagai pekerjaan 3D yang meliputi pelbagai sektor pekerjaan yang juga merangkumi pekerjaan mahir dan pekerjaan berkemahiran rendah.

2. Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia pada suku tahun ke empat 2018 terdapat seramai 14,933,400 orang penduduk bekerja di negara ini. Daripada jumlah itu seramai 1,805,700 (12.1%) adalah bekerja dikategori pekerja asas iaitu pekerjaan tidak mahir yang dikategorikan sebagai pekerjaan 3D.

3. Berdasarkan rekod pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), terdapat seramai 2,018,240 orang pekerja asing sehingga Januari tahun 2019. Walaupun begitu, dasar semasa kerajaan ialah mengutamakan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Kebenaran untuk

menggajikan pekerja asing hanya di sektor dan sub-sektor tertentu bagi pekerjaan kategori asas sahaja berkemahiran rendah, yang telah dikenal pasti kurang diminati oleh rakyat tempatan serta industri di negara ini masih lagi bergantung kepada kos tenaga buruh yang rendah di pelbagai sektor.

4. Kerajaan juga mengenakan syarat-syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggajikan pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam portal *JobsMalaysia* sebelum dikeluarkan Perakuan *JobsMalaysia* mengangi pekerja bukan warganegara, pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan walaupun di kategori pekerjaan asas. Semua permohonan penggajian pekerja asing diwajibkan dibuat secara *online* menggunakan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) melalui laman sesawang [www.eppax.gov.my](http://www.eppax.gov.my). Setiap permohonan akan disiasat oleh pegawai-pegawai JTK bagi memastikan kesahihan majikan, keperluan sebenar mengikut kelayakan, usaha mendapatkan pekerja tempatan, pematuhan undang-undang perburuhan dan penyediaan perumahan pekerja. Majikan juga perlu menghadiri temuduga melalui *One Stop Centre* (OSC) di Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi mendapatkan kelulusan oleh agensi-agensi kawal selia mengikut kategori sektor pekerjaan yang ditelah ditetapkan.

5. Dari Tempoh Januari 2018 hingga Disember 2018 seramai 8,499 orang warganegara telah berjaya ditempatkan ke syarikat-syarikat yang memohon penggajian pekerja asing di kategori asas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN : 35**

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada mempunyai perancangan untuk memperbaiki fasiliti Perumahan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang sudah uzur seperti di Balai Polis Wangsa Maju dan Setapak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Unit Perancang Ekonomi (EPU), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah meluluskan permohonan projek untuk kerja-kerja pembaikan kuarters Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan pemasangan lift baru di seluruh Malaysia bagi pelaksanaan pada Tahun 2019, *Rolling Plan* Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dengan anggaran kos sebanyak RM200 juta.

Di bawah projek tersebut, terdapat kerja-kerja pembaikan kuarters yang melibatkan 139 unit kuarters PDRM di Jalan Aman, Wangsa Maju, Kuala Lumpur yang berjumlah RM2 juta yang telah diluluskan.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN HUSSEIN  
(SEMBRONG)**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah rancangan pihak Kementerian bagi membela nasib dan mengurangkan beban kos sara hidup para veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sejurus selepas Bantuan Bakti Negara (BBN) dihentikan oleh pihak Kementerian. Dan apakah pelan terbaru Kementerian berkaitan inisiatif dan kemudahan kesihatan untuk para veteran ATM.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan Bakti Negara (BBN) merupakan bantuan yang diperkenalkan pada tahun 2017 oleh kerajaan terdahulu kepada veteran ATM yang tidak berpencen.

Untuk makluman, Bantuan Bakti Negara (BBN) yang diumumkan secara rasmi pada 31 Julai 2017 adalah merupakan inisiatif bagi membantu Veteran Tentera Tidak Berpencen. Pembayaran BBN ini adalah melalui hasil Pelupusan Aset Kem Batu Kentomen secara kaedah *Outright Sale Purchase* dan lebih daripada hasil pelupusan tersebut juga akan diperuntukan kepada Penempatan Semula Kem Batu Kentomen ke lokasi baru. Memandangkan proses memuktamadkan penjualan Kem mengambil masa, pihak kerajaan terdahulu melalui Kementerian Kewangan telah bersetuju agar Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) mendahulukan bayaran kepada penerima BBN bagi tahun 2017.

Dalam usaha memastikan dasar ketelusan dan berintegriti diterap dan dilaksanakan dengan jayanya di bawah pemerintahan kerajaan semasa, Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang telah menjalankan siasatan ke atas projek-projek *land swap* di Kementerian Pertahanan termasuk Projek Kem Batu Kentomen. Berdasarkan kepada hasil siasatan tersebut, pihak Jawatankuasa telah mengesyorkan agar peruntukan daripada hasil penjualan wajar diberi keutamaan kepada Penempatan Semula Kem Batu Kentomen. Berikutan itu, Kementerian Pertahanan bersetuju dengan cadangan supaya keutamaan diberikan kepada penempatan semula kem.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukan sebanyak RM79.68 juta untuk diagihkan secara *one-off* kepada seramai 159,368 orang Veteran ATM Berpencen dan Tidak Berpencen yang layak kepada golongan isu rumah berpendapatan rendah (B40), dengan kadar pemberian sebanyak RM500 seorang yang dikenali sebagai Bantuan Harapan Negara (BHN) 2019.

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif ini dimana permohonan untuk Bantuan Harapan Negara akan dibuka, mulai 14 April 2019 dan pembayaran akan mula dilaksanakan pada 27 Mei 2019.

Bagi membela nasib dan mengurangkan beban kos sara hidup veteran ATM, kementerian akan meneruskan pemberian pelbagai bentuk skim bantuan kebajikan seperti Bantuan Sara Hidup, Bantuan Kemasukan Persekolahan/ Kolej Vokasional Kebangsaan, Bantuan Kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam/Politeknik, Bantuan Perubatan, Bantuan Peralatan Pesakit, Bantuan Bencana Alam dan Bantuan Pengurusan Jenazah.

Pada tahun 2019, sejumlah RM98.42 juta telah diperuntukan untuk bantuan-bantuan kebajikan ini kepada veteran dan balu veteran ATM yang layak bagi membantu meringankan beban hidup mereka. Kerajaan akan terus komited bagi menambahbaik skim kebajikan kepada veteran ATM dari semasa ke semasa demi kesejahteraan hidup mereka.

Dari aspek inisiatif dan kemudahan kesihatan veteran ATM, Kementerian Pertahanan merancang untuk mengambilalih Kemudahan Perubatan Veteran ATM Berpencen daripada kawalan selia Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Bermula 1 Jun 2017 kerajaan ketika itu telah memutuskan supaya kemudahan perubatan (meliputi ubat, alat perubatan dan rawatan hemodialisis) pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran ATM Berpencen serta ahli keluarga yang berkecukupan, yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dipindah dan diselaraskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Setiap hospital kelolaan Kementerian Kesihatan Malaysia (Hospital Awam), Kementerian Pendidikan Malaysia (Hospital Pengajar) dan Kementerian Pertahanan (Hospital Angkatan Tentera) dikehendaki menyediakan perkhidmatan dan menanggung perbelanjaan ubat, rawatan dan alat perubatan kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Veteran ATM Berpencen serta ahli keluarga yang berkecukupan.

Terbaharu, kementerian ini berhasrat untuk mengambil alih urusan Kemudahan Perubatan Veteran ATM Berpencen daripada KKM dan KPM setelah menerima aduan-aduan daripada Veteran ATM Berpencen kerana terpaksa menunggu giliran untuk mendapatkan ubat dan alat perubatan memandangkan peruntukan yang diterima oleh Hospital Awam dan Hospital Pengajar terpaksa dikongsi bersama pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan. Hal ini tidak berlaku kepada Veteran ATM Tidak Berpencen yang mendapatkan rawatan di Hospital Awam dan Hospital Pengajar memandangkan kemudahan perubatan bagi pesakit kategori Veteran ATM Tidak Berpencen ditanggung oleh Kementerian Pertahanan.

Perkhidmatan kesihatan untuk Veteran ATM juga dikembangkan ke semua 18 Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT), 10 Pusat Perubatan Angkatan Tentera (PPAT) dan 28 Pusat Pergigian Angkatan Tentera (PGAT) bagi meningkatkan aksesibiliti kepada golongan veteran. Selain itu, bagi Program Komuniti Kesihatan Pembina Negara (KOSPEN Perwira), Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dan Persatuan-persatuan Veteran ATM merupakan salah satu fokus komuniti di dalam program tersebut. Objektif utama program ini adalah memperkukuhkan tanggungjawab penjagaan kesihatan kepada komuniti dan juga pelaksanaan program intervensi kepada masalah komuniti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MANSOR OTHMAN  
[NIBONG TEBAL]**

**TARIKH : 9 APRIL 2018 (SELASA)**

**SOALAN NO. 37**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menjelaskan agenda utama Pelan Induk Industri Halal (HIMP 2.0). Berapa jumlah syarikat terlibat dan Peratusan penyertaan Bumiputera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Halal Industry Masterplan 2.0 (HIMP 2.0) akan memacu agenda pembangunan industri Halal bagi tempoh 10 hingga 11 tahun akan datang dengan misi menjadikan agenda Halal lebih relevan, *visible* dan *prominent*. HIMP 2.0 akan memberi fokus kepada usaha memperkukuh ekosistem Halal di Malaysia dengan cara menyusun semula dan menambahbaik inisiatif sedia ada di samping memperkenalkan inisiatif baharu yang berimpak tinggi yang selari dengan hala tuju Kerajaan.
2. Sumbangan industri Halal kepada KDNK akan ditingkatkan melalui **pelaksanaan 43 inisiatif secara berfasa yang menyokong 7 Teras Strategik** yang telah digariskan. Setiap Teras Strategik diterajui oleh Ketua Teras yang terdiri dari agensi-agensi yang berwibawa seperti berikut:
  - (i) **Teras Strategik 1:** Menambah baik/mewujudkan polisi dan perundangan yang mesra industri Halal (diterajui oleh JAKIM);
  - (ii) **Teras Strategik 2:** Mewujudkan *market spaces* yang baru dan lebih besar untuk produk dan perkhidmatan Halal Malaysia (diterajui oleh MATRADE);
  - (iii) **Teras Strategik 3:** Mewujudkan kumpulan pakar industri Halal yang lebih besar untuk memenuhi keperluan global (diterajui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran);
  - (iv) **Teras Strategik 4:** Pembangunan infrastruktur yang berkualiti dan berintegrasi (diterajui oleh MIDA);
  - (v) **Teras Strategik 5:** Mencambah lagi *thought leadership* Halal (diterajui oleh HDC);
  - (vi) **Teras Strategik 6:** Melahirkan lebih banyak *home grown Halal champions* (diterajui oleh SME Corp);

- (vii) **Teras Strategik 7:** Menggalakkan penyertaan Bumiputera yang lebih kompetitif dalam industri Halal (diterajui oleh TERAJU);

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Sehingga Disember 2018, sebanyak 8,120 buah syarikat yang direkodkan mempunyai sijil halal di mana 3,342 mewakili 41% daripadanya merupakan syarikat Bumiputera. Pihak Kerajaan telah mensasarkan peningkatan terhadap penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera yang melebihi 50% melalui pelaksanaan HIMP 2.0 di samping peningkatan kadar sumbangannya dalam nilai eksport barangan halal negara dengan jumlah sekitar 7%-8% dijangka meningkat naik menjadi 15% menjelang tahun 2030.
4. Antara lainnya, pelaksanaan HIMP 2.0 juga bukan hanya tertumpu kepada syarikat tempatan yang mempunyai Sijil Halal sahaja bahkan ia turut merangkumi syarikat-syarikat lain yang berpotensi dalam meningkatkan jumlah pengeluaran produk dan barangan halal tempatan. Oleh sebab itu, pelan-pelan tindakan melalui HIMP 2.0 telah dirangka untuk menangani isu dan cabaran ini dengan kadar yang segera selari dengan hala tuju Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-11 melalui Tonggak Ke-6: Mensejahterakan Ekonomi Rakyat.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
9 April 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS  
JOHNITY ONGKILI [ KOTA MARUDU ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 38**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Hospital Kota Marudu akan selesai dinaik taraf sebagai Hospital Zon/Wilayah dengan perkhidmatan Pakar-pakar kesihatan seperti yang dirancang dan diumumkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 lagi. Apakah halangan-halangan yang dihadapi mencapai matlamat ini.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Pelaksanaan hospital kluster yang melibatkan Hospital Kota Marudu masih dalam fasa perancangan kerana hospital ini perlu dinaik taraf untuk menjadi hospital berpakar terlebih dahulu. Hospital Kota Marudu akan menjadi *lead hospital* yang menyediakan perkhidmatan kepakaran yang akan dikongsikan dan dioptimumkan di dalam kluster ini bersama-sama Hospital Pitas dan Hospital Kudat yang berfungsi sebagai *non-lead hospitals*.

Buat masa ini, perkhidmatan kepakaran disediakan melalui rujukan dan pakar lawatan dari Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN  
DATO' AZUMU [TAMBUN]**

**TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 39**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan status dana sebanyak RM2 bilion di bawah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau dan bagaimana Kerajaan Negeri dapat memanfaatkan dana ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS 2.0) adalah merupakan skim pinjaman mudah dengan peruntukan had pembiayaan sebanyak RM2 bilion di bawah Bajet 2019 yang bertujuan untuk menyokong perkembangan industri berasaskan Teknologi Hijau tempatan. GTFS menyediakan insentif pembiayaan bagi meningkatkan keupayaan penggiat industri, sebagai pemangkin bagi merangsang pelaburan teknologi hijau dan menggalakkan keterlibatan institusi kewangan dalam projek-projek teknologi hijau.
2. Menerusi skim ini, Kerajaan Negeri boleh mendapat manfaat seperti berikut:
  - i) pelaksanaan projek-projek teknologi hijau seperti tenaga boleh baru, kecekapan tenaga, bangunan, sisa, air, pengangkutan dan pembuatan melalui kerjasama/penglibatan pihak swasta secara *public private partnership* (PPP);
  - ii) pelaksanaan projek-projek teknologi hijau yang dijalankan oleh syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri turut layak bagi pembiayaan di bawah skim ini; dan
  - iii) peningkatan aktiviti ekonomi tempatan serta mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH**  
**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**  
**[PAYA BESAR - UMNO]**

**SOALAN NO.40**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:

- (a) perkembangan terkini Program Malaysia Future Leadership School (MFLS), apakah hasil 6 pilot program serta maklumbalas daripada peserta dan ibu bapa serta jumlah peruntukan secara terperinci; dan
- (b) bilakah secara rasminya program Malaysia Future Leadership School (MFLS) siri pertama akan dijalankan dan apakah tahap kesediaan Kementerian dalam melaksanakan program ini.

**JAWAPAN**

1. Penilaian pasca program yang telah dilaksanakan oleh pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) mendapati penilaian secara keseluruhan pelaksanaan program oleh peserta yang meliputi kandungan program, keberkesanan program, fasiliti dan keupayaan jurulatih berada pada tahap yang tertinggi iaitu mencapai skor keseluruhan 82.8%.
2. Jumlah perbelanjaan bagi program rintis untuk keseluruhan 6 kohort (19 siri) yang melibatkan seramai 1,542 peserta dari 354 buah sekolah ialah sebanyak RM2.89 juta.
3. Program *Malaysia Future Leadership School* (MFLS) akan bermula bagi kohort 1 pada April 2019 dan kohort terakhir adalah pada Disember 2019 dengan penyertaan 35,000 orang pelajar yang berumur antara 15 hingga 17 tahun. Ianya melibatkan 15 kohort dan akan dilaksanakan di 16 kem / pusat latihan terlibat. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 [ SELASA ]**

**SOALAN NO. 41**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar-dasar, langkah-langkah dan/atau skim-skim yang dijalankan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad dalam pelaksanaan rumah mampu milik yang mampan dan berkualiti untuk rakyat Malaysia. Apakah rancangan atau tindakan yang akan dilakukan untuk membaik-pulih projek perumahan yang terbengkalai di daerah Kampar .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

**Skim Perumahan di bawah SPNB**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) ialah syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan pada 21 Ogos 1997 untuk menyediakan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berkualiti dan mampan.
2. Kumpulan SPNB melaksanakan 3 program perumahan iaitu Rumah Aspirasi Rakyat, Rumah Idaman Rakyat dan Rumah Mesra Rakyat untuk golongan B40 dan M40 memiliki rumah yang sempurna dan selesa yang dilaksanakan oleh anak syarikat milik penuh SPNB.
3. Rumah Aspirasi Rakyat (RAR) dibina di kawasan strategik oleh SPNB Aspirasi Sdn. Bhd. Pembangunan RAR merupakan projek-projek

berdaya maju yang menawarkan harga rumah yang lebih kompetitif berbanding harga pasaran semasa.

4. Rumah Idaman Rakyat (RIR) pula dilaksanakan oleh SPNB Idaman Sdn. Bhd. merupakan pembangunan perumahan bercampur dengan harga jualan rumah 60% tidak melebihi RM250,000 seunit dan 40% tidak melebihi RM350,000 seunit. Manakala harga jualan kedai pula tidak melebihi RM1,000,000 / lot kedai. Pembangunan projek RIR adalah di atas tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan atau agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.

5. Rumah Mesra Rakyat (RMR) adalah program yang sangat popular di seluruh Malaysia. RMR mendapat sambutan yang sangat baik di mana senarai menunggu terkini ialah **7,987** pemohon. Program ini berkonsepkan rumah sesebuah yang dibina di atas tanah pemohon sendiri, berkeluasan di antara 700kps – 1000kps dengan komposisi 3 atau 2 bilik tidur dan 2 bilik air. Kerajaan melalui Kementerian Kewangan hanya menyalurkan subsidi sebanyak RM20,000 seunit untuk pembiayaan pembinaan RMR. Manakala, baki pembiayaan pembinaan sebanyak RM45,000 perlu diperolehi oleh SPNB melalui kaedah pinjaman dari mana-mana bank. Selain itu, Kerajaan juga telah bersetuju untuk memberi 2% subsidi kadar keuntungan bank sebagai sebahagian daripada yang dikenakan kepada setiap pemohon yang layak.

6. Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB juga telah memperkenalkan RMRPlus, program alternatif kepada program RMR yang mensasarkan golongan yang tidak layak mendapat subsidi di bawah RMR kerana melebihi syarat minimum program RMR. Pelaksanaan RMRPlus adalah berdasarkan kepada permohonan dan terbuka kepada semua rakyat yang mempunyai tanah serta berkelayakan untuk mendapatkan pinjaman melalui institusi kewangan atau bayaran secara tunai untuk membiayai kos pembinaan.

**Projek Terbengkalai di daerah Kapar**

1. Dari tahun 2009 hingga 31 Januari 2019, sebanyak 24 projek perumahan swasta telah disahkan terbengkalai di Negeri Perak selaras dengan Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118] yang melibatkan sebanyak 3,471 unit rumah dan 2,254 orang pembeli. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 14 projek atau 58% telah berjaya dipulihkan atau diselesaikan yang melibatkan sebanyak 2,029 unit rumah dan memberikan manfaat kepada 1,158 orang pembeli. Manakala 1 projek atau 4% sedang dipulihkan melibatkan 73 unit rumah dan 46 orang pembeli. Selebihnya sebanyak 9 projek atau (38%) sedang dalam perancangan awal pemulihan yang melibatkan 1,369 unit rumah dan 1,050 orang pembeli.

2. Daripada jumlah tersebut, 2 projek perumahan swasta terbengkalai yang terletak di Daerah Kapar adalah seperti berikut:

| Bil | Projek                          | Pemaju                                 | Bilangan |         | Tahun Patut Siap | Tarikh Terbengkalai |
|-----|---------------------------------|----------------------------------------|----------|---------|------------------|---------------------|
|     |                                 |                                        | Rumah    | Pembeli |                  |                     |
| i.  | Taman Diawan<br>Kapar,<br>Kapar | Syarikat Masinda Sdn Bhd<br>(digulung) | 24       | 19      | 1991             | 16.3.2012           |
| ii. | Taman Seri Emas,<br>Kapar       | Columbia Kinta Sdn Bhd<br>(digulung)   | 154      | 137     | 1985             | 18.2.2013           |

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini, kedua-dua projek adalah berstatus dalam perancangan awal pemulihan. Bagi projek Taman Diawan, pemulihan projek akan dilaksanakan menggunakan dana Kerajaan secara tender terbuka reka dan bina melalui pra-kelayakan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) sedang melaksanakan proses perolehan berdasarkan peraturan kewangan dan pekeliling perolehan yang berkuat kuasa. Tempoh pemulihan / pembinaan yang disasarkan oleh pihak JPN adalah selama 18 bulan dengan jangkaan

penyiapan dan penyerahan kunci kepada para pembeli adalah pada awal tahun 2021.

4. Manakala bagi projek Taman Seri Emas, pemulihan akan dilaksanakan melalui kerjasama pemaju penyelamat iaitu Perkasa Laungan Sdn. Bhd. Kerja-kerja pemulihan hanya akan dapat dimulakan setelah isu kewangan dan teknikal projek diselesaikan. Pada masa ini, JPN bertindak sebagai pemudah cara bagi memastikan kesemua isu tersebut diselesaikan dengan kerjasama pelikuidasi syarikat, bank pembiaya pinjaman titian, bank pembiaya pinjaman pembeli, Majlis Daerah Kampar, Pejabat Tanah dan Daerah Kampar serta agensi-agensi teknikal yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH**  
**[LENGGONG]**  
**TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 42**

**Y.B. DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dividen KWSP yang diberikan pada tahun 2017 dan mengapakah dividen yang diberikan untuk tahun 2018 menurun.



**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar dividen Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang diisytiharkan pada tahun 2017 adalah sebanyak 6.9% untuk Simpanan Konvensional dengan jumlah agihan dividen sebanyak RM44.15 bilion. Manakala untuk Simpanan Syariah, kadar dividen yang diisytiharkan adalah sebanyak 6.4% dengan agihan dividen sebanyak RM3.98 bilion. Jumlah keseluruhan agihan dividen pada tahun 2017 adalah sebanyak RM48.13 bilion.
2. Pada tahun 2018 pula, KWSP mengisytiharkan kadar dividen sebanyak 6.15% untuk Simpanan Konvensional dengan agihan dividen sebanyak RM43.00 bilion manakala 5.9% untuk Simpanan Syariah dengan agihan dividen sebanyak RM4.32 bilion. Jumlah keseluruhan agihan dividen pada tahun 2018 adalah sebanyak RM47.32 bilion iaitu menurun sebanyak 1.7% berbanding tahun 2017.
3. Tahun 2018 merupakan tahun yang sukar disebabkan oleh ketidaktentuan serta trend penurunan pasaran global khususnya berikutan perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Di samping itu, terdapat 4 kitaran kenaikan kadar faedah Amerika Syarikat pada tahun yang sama. Jika dibandingkan dengan peningkatan trend pasaran pada tahun 2017, perbezaan ketara dapat disaksikan pada tahun kewangan 2018 di mana kesemua indeks saham mencatatkan pulangan negatif. Indeks FBMKLCI mencatat kejatuhan 6% manakala indeks ekuiti pasaran dunia jatuh sekitar 9% sehingga 16%.
4. Oleh yang demikian, jumlah pendapatan pelaburan kasar yang dijana KWSP pada tahun 2018 juga telah menurun sebanyak RM2.26 bilion atau

**NO SOALAN : 42**

4.25% kepada RM50.88 bilion berbanding RM53.14 bilion pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, purata kadar dividen sebenar KWSP bagi 3 tahun berturut-turut (2016-2018) adalah sebanyak 3.93% untuk Simpanan Konvensional dan 3.68% untuk Simpanan Syariah adalah melebihi purata kadar inflasi bagi tempoh yang sama iaitu sebanyak 2.32%. Dalam hal ini, KWSP telah menjangkau mandatnya untuk mengisytiharkan 2.5% dividen setiap tahun dan tidak kurang dari 2% bagi dividen sebenar untuk purata 3 tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[JERANTUT]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah Pembantu Hal Ehwal Islam (HEI) dan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) yang sedang berkhidmat di seluruh Malaysia pada ketika ini.

**JAWAPAN : (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI  
DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) yang sedang berkhidmat di seluruh Malaysia pada ketika ini adalah seramai 249 orang dengan perincian seperti berikut :

**STATISTIK PENGGERAK MASYARAKAT ORANG ASLI (PMOA)  
SELURUH MALAYSIA TAHUN 2019**

| <b>Bil.</b> | <b>Negeri</b>   | <b>Bilangan PMOA</b>                                               | <b>Bilangan<br/>Perkampungan<br/>orang Asli</b> |
|-------------|-----------------|--------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|
| 1           | Pahang          | 57 orang                                                           | 151 buah                                        |
| 2           | Kelantan        | 50 orang                                                           | 84 buah                                         |
| 3           | Perak           | 55 orang                                                           | 156 buah                                        |
| 4           | Negeri Sembilan | 20 orang                                                           | 68 buah                                         |
| 5           | Johor           | 19 orang                                                           | 59 buah                                         |
| 6           | Kedah           | 2 orang                                                            | 1 buah                                          |
| 7           | Melaka          | 10 orang                                                           | 14 buah                                         |
| 8           | Selangor        | 28 orang                                                           | 76 buah                                         |
| 9           | Terengganu      | 5 orang                                                            | 3 buah                                          |
| 10          | Sabah           | 2 orang                                                            |                                                 |
| 11          | Sarawak         | 1 orang                                                            |                                                 |
|             | JUMLAH          | 249 ORANG<br>Lantikan Tetap : 39 org<br>Lantikan Kontrak : 210 org |                                                 |

Manakala jumlah Pembantu Hal Ehwal Islam yang sedang berkhidmat di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan agensi berkaitan adalah seramai 177 orang .

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR  
[ TANJONG KARANG ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 46**

**Tan Sri Noh bin Haji Omar [ Tanjong Karang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa ramai wakil rakyat Kerajaan dan pembangkang dan juga orang kenamaan yang telah diberikan kebenaran untuk merasmikan Mesyuarat Agung PIBG di seluruh negara khususnya di Parlimen Tanjong Karang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 9 Tahun 1999: Permohonan Mengundang Orang-Orang Kenamaan Ke Upacara Sekolah/Institusi Pendidikan yang menjelaskan memberi kebenaran kepada pihak sekolah untuk menjemput wakil rakyat Kerajaan, pembangkang dan juga orang kenamaan untuk merasmikan sebarang acara rasmi sekolah. Namun begitu, permohonan kelulusan daripada pihak KPM perlu diperoleh terlebih dahulu. Berdasarkan rekod KPM, sehingga 4 Mac 2019 terdapat satu (1) kes pihak pembangkang merasmikan program rasmi sekolah di Selangor, 128 kes di Sarawak dan tujuh (7) kes di Terengganu.

Sekian, terima kasih

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**DARIPADA : Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]**

**SOALAN : 47**

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk menjelaskan langkah dan usaha Kerajaan dalam pengubalan rang undang-undang Akta Kawalan Pembiayaan Politik bagi mewujudkan mekanisme pemantauan pembiayaan politik.

**JAWAPAN:     YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan penggubalan suatu rang undang-undang berhubung dengan pembiayaan politik. Bagi tujuan tersebut Kerajaan telah melihat undang-undang berkaitan dana politik negara luar yang bersesuaian untuk dijadikan panduan dan penanda aras di Malaysia. Setakat ini kajian telah dibuat kepada undang-undang negara seperti United Kingdom, Jerman, Amerika Syarikat, Australia, Singapura, Jepun, Korea Selatan, Indonesia, Austria, Chile dan Mexico. Rang undang-undang berkaitan dana politik ini akan dibentangkan di Parlimen setelah semua perkara dasar dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**DARIPADA : Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]**

**SOALAN : 48**

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah lawatan ke luar negara oleh seluruh anggota Kabinet dari bulan Mei 2018 hingga Disember 2018; dan
- (b) apakah tujuan lawatan, jumlah delegasi dan berapakah kos yang telah digunakan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD.RAFIK  
TIMB. MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan keseluruhan lawatan rasmi ke luar negara yang dibuat oleh bagi Anggota Kabinet di bawah Jabatan Perdana Menteri dari bulan Mei 2018 hingga Disember 2018 adalah berjumlah RM12,718,752.01 (melibatkan 31 lawatan). Perbelanjaan ini merangkumi pegawai Kerajaan yang turut serta dalam setiap lawatan anggota Kabinet ke luar negara seperti mana yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
(BATU GAJAH)**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peluang yang dibuka kepada kaum India dalam menganggotai pasukan Angkatan Tentera Malaysia. Berapakah jumlah anggota tentera kaum India yang sedang berkhidmat dalam pasukan Angkatan Tentera Malaysia mengikut pangkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merupakan benteng pertahanan negara sentiasa memerlukan warganegara Malaysia yang bersemangat patriotik dan berjiwa kental dari kalangan semua kaum yang berkecenderungan untuk menyertai ATM. ATM sentiasa mengalu-alukan penyertaan warga belia daripada pelbagai kaum untuk sama-sama memilih profesion ketenteraan sebagai kerjaya pilihan utama.

Sehingga kini penyertaan warga ATM dari kalangan kaum India ialah 2.98 peratus bagi Pegawai dan 1.20 peratus bagi Askar Lasykar berbanding pada tahun 2017 iaitu 2.91 peratus bagi Pegawai dan 1.10 peratus bagi Askar Lasykar.

ATM bersama Persatuan Veteran India Angkatan Tentera Malaysia (PERIM) telah merangka pelbagai program promosi bagi tahun 2018 di seluruh Malaysia berbentuk pameran kerjaya, syarahan motivasi, pengambilan khas kaum India bagi Pegawai Kadet dan Perajurit Muda ATM. Sebanyak 17 program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 di Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur, Pahang, Perak, Kedah, dan Pulau Pinang.

Pencapaian peratus pengambilan kaum India secara keseluruhan sehingga Disember 2018 telah meningkat dari 1.16% pada tahun 2017 kepada 3.41% pada tahun 2018.

Kementerian Pertahanan mempelawa agar ahli-ahli Dewan Rakyat bersama-sama memainkan peranan mempromosikan ATM kepada generasi muda setempat khususnya kaum India untuk memilih profesion ketenteraan sebagai salah satu pilihan utama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN : 50**

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh mana tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan terhadap laporan polis yang melibatkan penghinaan terhadap agama Islam dan institusi raja serta apakah jaminan Kerajaan supaya siri-siri penghinaan sebegini tidak lagi berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Negara kita kini menghadapi satu cabaran baru berikutan pertambahan kes-kes kenyataan berbaur hasutan yang menjadi viral dalam media sosial. Untuk menangani gejala ini, pihak polis menjalankan siasatan dan membuka kertas siasatan terhadap laporan polis yang melibatkan penghinaan terhadap agama Islam atau Institusi Beraja serta mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Hasutan 1948 atau Kanun Keseksaan ataupun Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Secara keseluruhannya sejak tahun 2012 sehingga 2019, pihak Polis Diraja Malaysia telah menyiasat 97 kes pembuli media sosial yang menghina Raja-raja Melayu dan Yang diPertuan Agong. Dari jumlah tersebut, 11 individu telah dituduh di mahkamah. Antara langkah-langkah yang diambil untuk kerajaan menjamin kes penghinaan sebegini tidak berulang lagi ialah:

(i) meningkatkan kesedaran masyarakat supaya lebih peka dan

sensitif terhadap sentimen perkauman, keagamaan dan Institusi Raja Berperlembagaan melalui kempen-kempen kesedaran bersama orang awam;

- (ii) membuat kajian terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia supaya akta berkenaan lebih berkesan dan menyeluruh terutamanya dalam menangani kenyataan-kenyataan di media sosial yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat; dan
- (iii) menubuhkan unit pemantau dan siasatan terhadap penyalahgunaan media sosial di peringkat daerah dan kontinjen.

Dalam menentukan keselamatan negara dan keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara, Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dengan sebarang bentuk ancaman dan perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana pihak yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman dan keharmonian yang dinikmati oleh rakyat selama ini.

Tindakan tegas akan terus diambil terhadap pihak-pihak yang cuba mencetuskan huru-hara atau menimbulkan sebarang bentuk provokasi dalam apa jua bentuk sekali pun sama ada menerusi penulisan, ucapan atau penyebaran berita yang boleh mencetuskan keadaan yang tidak tenteram di dalam masyarakat.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB Dato' Sri Azalina Othman Said  
[ Pengerang ]**

**TARIKH : 9 April 2019 (Selasa)**

**SOALAN : 52**

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak dan berapa banyak kes yang telah diselesaikan dalam tempoh 3 bulan serta apakah punca kelewatan memperluaskan Mahkamah ini ke negeri-negeri yang lain yang sepatutnya diperluaskan secara berperingkat ke seluruh negeri di Malaysia untuk menyelesaikan dan melupuskan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dengan adil dan cepat.

**JAWAPAN:      YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Mahkamah JSKK) yang pertama telah dibuka di Putrajaya dan mula beroperasi pada 23 Jun 2017 untuk mendengar dan memutuskan kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam daerah Shah Alam, Petaling Jaya, Wilayah Pesekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Pesekutuan Putajaya. Setelah pewujudan Mahkamah JSKK Putrajaya, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan telah mencadangkan untuk perluasan Mahkamah khas ini ke negeri-negeri lain.

Mahkamah JSKK yang kedua telah dibuka di Kuching, Sarawak dan mula beroperasi pada 18 April 2018 untuk mendengar dan memutuskan kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak bagi negeri Sarawak.

Selanjutnya peluasan ini sedang giat dijalankan di mana ubah suai Bilik Saksi Kanak-Kanak telah disiapkan sepenuhnya di kesemua Mahkamah negeri iaitu di Mahkamah Seremban, Mahkamah Melaka, Mahkamah Pulau Pinang, Mahkamah Kuantan, Mahkamah Ipoh, Mahkamah Kuala Terengganu, Mahkamah Klang, Mahkamah Johor Bahru, Mahkamah Alor Setar dan Mahkamah Kota Kinabalu. Dijangkakan kesemua Mahkamah

ini akan dapat digunakan sebaik sahaja perolehan bagi peralatan ICT (kelengkapan *Court Recording Transcription*) dapat diselesaikan selewat-lewatnya pada penghujung tahun 2019.

Baki kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang tertunggak setakat 30 November 2018 adalah sebanyak 791 kes.

Bagi tempoh tiga bulan terakhir iaitu dari Disember 2018 sehingga Februari 2019, jumlah kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang telah didaftarkan di Mahkamah seluruh Malaysia adalah sebanyak 374 kes manakala jumlah kes-kes yang berjaya diselesaikan adalah sebanyak 323 kes. Jumlah kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang tertunggak setakat 28 Februari 2019 adalah sebanyak 842 kes.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG@TAMBAT  
(LUBOK ANTU)**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN : NO. 53**

**Tuan Jugah Anak Muyang@Tambat [Lubok Antu]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berkenaan memberi dan membenarkan peruntukan khas menggunakan helikopter bagi tujuan menjalankan tugas rasmi atau melawat penduduk yang agak jauh di pedalaman dan sukar dihubungi melalui jalan darat atau sungai di kawasan P203 Lubok Antu.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

---

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2019 tiada peruntukan khas disediakan bagi penggunaan helikopter untuk tujuan menjalankan tugas rasmi memandangkan peruntukan adalah terhad.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 54**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah kawalan keselamatan makanan khususnya daripada negara timur tengah dipantau kerana kumbang merah berpunca daripada kemasukan buah tamar ke negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kumbang merah bertelur dan membiak di dalam batang tamar – *bukannya buah tamar* – dan lain-lain spesies pokok palma seperti kelapa, sawit, dan salak. Keghairahan sesetengah pihak membawa masuk batang tamar bagi tujuan tanaman landskap dan buah tamar yang masih belum dileraikan daripada batangnya (bagi tujuan produk premium atau *experiential dining*) menjadi antara punca kemasukan kumbang merah ke negara ini.

Walau bagaimanapun, penyebab utama serangan kumbang merah di negara ini adalah penyeludupan anak pokok kelapa dan anak pokok tamar daripada negara jiran Thailand. Ini menjadi punca mengapa kebanyakan serangan kumbang merah berlaku di Perlis, Kedah, Kelantan (negeri-negeri yang berjiran dengan Thailand) dan juga Terengganu.

Sehubungan itu, Kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Pemeriksaan dan Kuarantin Malaysia (MAQIS) akan memperketatkan kawalan di pintu-pintu masuk negara dengan menambah baik prosedur sedia ada dan menaik taraf teknologi alatan pemeriksaan dari masa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD**

**KAWASAN : MERSING**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 55**

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah perpaduan dan integrasi nasional menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat Malaysia dan jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil.

**JAWAPAN**

Yang Di Pertua,

Sejak mengecapi kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara, pucuk pimpinan negara amat peka terhadap cabaran-cabaran dalam memupuk persefahaman dan keharmonian di dalam sebuah negara majmuk yang kaya dengan kepelbagaian seperti Malaysia. Perpaduan dan integrasi nasional sememangnya menjadi agenda utama dalam memperkasakan keharmonian rakyat di Malaysia.

Tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan perpaduan dan integrasi dalam kalangan rakyat pelbagai latar belakang keturunan, kaum dan agama merentasi pelbagai sektor yang turut merangkumi dasar-dasar sosio-ekonomi yang menjanakan pertumbuhan ekonomi, mengagihkan sumber kekayaan negara secara adil, merapatkan jurang antara kaum, jurang sosial dan antara wilayah serta menggalakkan interaksi melalui pendidikan, latihan, program pembangunan belia, wanita dan sukan, serta pelbagai program dan inisiatif bersama-sama dengan NGO, termasuk program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional melalui perancangan Kerajaan telah dilaksanakan secara berterusan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN). PERPADUAN telah, sedang dan akan meneruskan pelbagai usaha bagi memperkukuhkan perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat Malaysia menggunakan pendekatan mendamping dan mendidik (*engage and educate*) melalui pelbagai program seperti berikut:

- a) Program Detik-Detik Perpaduan (*Moments of Unity*)
- b) Program Silang Budaya
- c) Sambutan *World Interfaith Harmony Week*, *International Day for Tolerance* dan Dialog Harmoni
- d) Program MyRukun Negara
- e) Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP)

Antara program yang dilaksanakan bagi meningkatkan integrasi antara wilayah agar tidak meminggirkan mana-mana golongan masyarakat di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah melalui:

- a) Program Integrasi Komuniti
- b) Program Orientasi/Integrasi Pegawai Persekutuan Perkhidmatan Awam
- c) Program Integrasi Pemimpin Masyarakat

Pelaksanaan program-program yang menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi ini memberikan kesan yang signifikan dalam mempercepatkan proses integrasi, meningkatkan persefahaman, semangat perpaduan dan semangat persaudaraan antara masyarakat Semenanjung, Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Dalam masa yang sama, Jabatan juga mengadakan jaringan dan kerjasama strategik dengan pihak swasta, pertubuhan/persatuan sukarela dan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai inisiatif untuk memperluaskan sinergi jaringan dan menyebarkan mesej-mesej perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, PERPADUAN selaku agensi peneraju dalam memelihara keharmonian dan memperkukuhkan perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara ini terus komited melaksanakan pelbagai program yang melibatkan golongan remaja dan belia di negara ini seperti Kelab Rukun Negara di sekolah, Sekretariat Rukun Negara di Institut Pengajian Tinggi dan Jiran Muda di kawasan Rukun Tetangga. Mekanisme ini diperkasakan sebagai 'platform' untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti bercorak perpaduan di peringkat akar umbi. Pelaksanaan program-program sedemikian akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat untuk berinteraksi kerana interaksi adalah asas kepada pembentukan perhubungan manusia yang akhirnya akan melahirkan bibit-bibit perpaduan dan rasa kekitaan.

Tambahan pula, Kerajaan juga akan meneruskan langkah-langkah seperti yang dirumuskan di bawah :

- i) sentiasa memegang teguh kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang;
- ii) melaksanakan semua dasar dan program untuk rakyat dan kumpulan-kumpulan sasaran secara adil dan seimbang supaya dapat menyusun semula masyarakat untuk menggalakkan penyertaan semua kaum dalam semua bidang secara berkesan dan bermakna; dan
- iii) mewujudkan saluran dan mekanisma formal atau tidak formal di beberapa peringkat untuk menggalakkan wakil dari NGO saling mencapai persefahaman.

Kerajaan yakin dan percaya bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan serta mewujudkan integrasi nasional ke arah keharmonian negara sememangnya merupakan satu perjuangan berterusan yang memerlukan usaha-usaha dinamik bagi membuka minda dan sikap rakyat untuk meraikan dan menghargai kepelbagaian yang wujud. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbagaian (*unity in diversity*) ini memerlukan penyertaan dan sumbangan dari semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN : 56**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan untuk menambah peruntukan bekalan air paip dan elektrik kepada penduduk rumah panjang di kawasan Mupong, Telok Gelam, Semareng, Sare dan Muara Payang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada prinsipnya, penyediaan bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN). Tanggungjawab ini termasuklah penyediaan sumber air, pembinaan loji rawatan air, pembinaan paip utama serta penyelenggaraan dan pengoperasian. Peranan Kementerian adalah membuat sambungan paip retikulasi dari paip utama ke rumah-rumah penduduk di luar bandar.

Walau bagaimanapun, Kementerian juga ada melaksanakan projek naik taraf atau membina baru loji rawatan air secara *case by case* di kawasan luar bandar bagi memastikan sistem retikulasi yang dipasang dapat berfungsi dengan baik.

Manakala bagi Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB), kaedah pembekalan adalah melalui penyambungan talian grid daripada punca bekalan Pihak Berkuasa Elektrik Negeri (PBEN) ataupun melalui kaedah alternatif. Bagi tahun 2019, tiada peruntukan yang diluluskan

untuk penyambungan bekalan elektrik ke rumah panjang di kawasan Mupong, Telok Gelam, Semareng, Sare dan Muara Payang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaksanaan sesuatu projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan BELB secara lazimnya adalah berdasarkan senarai keutamaan negeri yang diterima daripada Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) masing-masing. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa negara. Sehubungan itu, adalah dicadangkan Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek di rumah panjang yang dimaksudkan kepada *Sarawak Planning Unit* (SPU) untuk dimasukkan sebagai senarai keutamaan negeri sebelum dimajukan kepada Kementerian ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mewujudkan satu industri pertahanan yang berdaya saing dan berdikari supaya kebergantungan kepada kepakaran asing dapat dikurangkan. Adakah Kerajaan sedia untuk melabur dalam R&D dan inovasi produk-produk pertahanan dan keselamatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) sentiasa peka dan bersungguh-sungguh dalam membangunkan syarikat industri pertahanan tempatan. MIDES merupakan platform di antara Kementerian dan syarikat tempatan bagi menangani isu-isu berkaitan industri serta memberi garis panduan serta hala tuju kepada syarikat pertahanan, penguatkuasaan dan keselamatan tempatan.

Melalui inisiatif ini, MIDES membuka laluan kerjasama secara *Government To Government (G2G)*, *Government To Business (G2B)* dan *Business to Business (B2B)* kepada syarikat pertahanan tempatan bersama syarikat antarabangsa. Hal ini mendorong kepada peluasan jaringan perniagaan syarikat tempatan serta membuka peluang untuk proses *Transfer of Technology (ToT)* melalui usaha kerjasama *customization* produk atau servis di antara syarikat tempatan dan antarabangsa. Perkara ini dijangka dapat memacu industri pertahanan ke arah menjadi *self-reliant* di masa hadapan.

Kerajaan menyedari bahawa kemudahan kewangan adalah amat kritikal bagi sesebuah syarikat menjalankan R&D serta inovasi. Kementerian Pertahanan menyediakan dana untuk tujuan R&D di bawah agensi kerajaan seperti STRIDE dan UPNM, namun kementerian tidak menyediakan dana bagi R&D untuk syarikat industri pertahanan, namun begitu kemudahan kewangan disediakan oleh agensi-agensi pusat yang bertanggungjawab seperti MITI, MIDA dan sebagainya.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 58**

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ] minta MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI menyatakan apakah status terkini projek tebatan banjir Sungai Golok dan bilakah ianya dijangka siap.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meluluskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 untuk dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Air (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam RMKe-11 dengan siling kos projek sebanyak RM300 Juta. Projek PLSB Sungai Golok (KESBAN) Fasa 1 ini telah bermula pada 23 April 2018 dan dijangka siap pada tahun 2022. Pelaksanaan kerja-kerja di tapak adalah sebanyak 5% di mana kerja-kerja cerucuk bagi pembinaan *gate* di Kuala Jambu sedang dilaksanakan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL**  
**[SUNGAI PETANI]**  
**TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 59**

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan setakat ini apakah perkembangan dalam usaha Kerajaan mendapatkan balik wang 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dari luar negara dan berapa jumlah yang disasarkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, Kerajaan telah menyatakan komitmen untuk mendapatkan semula dana/ aset 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang didakwa telah diseleweng.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan Peguam Negara dan pihak berkuasa tempatan telah bekerjasama dengan pihak berkuasa asing dari negara-negara, antaranya seperti Singapura, Indonesia, Amerika Syarikat dan Switzerland untuk memulihkan dan membawa balik dana yang diseleweng dari 1MDB serta aset yang dibeli dengan menggunakan dana 1MDB.

Hasil daripada kerjasama tersebut, berikut merupakan antara perkara yang telah dicapai:

1. Kerajaan telah berjaya membawa balik kapal layar mewah *Equanimity* di mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 19 Oktober 2018 telah mengisytiharkan 1MDB sebagai pemilik sah kapal layar berkenaan. Kapal layar mewah *Equanimity* telah Berjaya dijual pada nilai USD126 juta.
2. Pada bulan September 2018, mahkamah di Singapura telah mengarahkan supaya dana berkaitan 1MDB yang dirampas sebanyak SGD15 juta, dipulangkan semula kepada Malaysia. Jumlah tersebut akan diterima secara berperingkat;
3. Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DOJ) telah memeterai perjanjian penyelesaian dengan Red Granite Pictures berhubung hak perfileman mereka di mana jumlah penyelesaian sebanyak kira-kira USD60 juta telah dibayar pada bulan Mac 2018. Wang penyelesaian yang dibayar oleh Red Granite kepada Kerajaan Amerika Syarikat tersebut akan dihantar balik ke Malaysia dalam masa terdekat; dan
4. Pada 30 Oktober 2018, Kerajaan telah memfailkan permohonan bagi pihak Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan 1MDB di Mahkamah Tinggi di London, England untuk mengetepikan *Consent Award* bertarikh 9 Mei 2017 yang telah direkodkan oleh *London Court of International Arbitration* (LCIA) dalam prosiding timbang tara yang melibatkan International Petroleum Investment Corporation (IPIC), Aabar Investments PJS (Aabar PJS), 1MDB dan MKD at dasar pembuatan *Award* tersebut telah terjejas oleh *fraud* dan/atau bercanggah dengan dasar awam.

Berdasarkan *Consent Award*, 1MDB dan MKD, antara lain, terdedah (*exposed*) kepada obligasi pembayaran berbentuk tunai dan indemniti, secara kumulatifnya (*cumulatively*), lebih kurang sebanyak USD5.78 bilion kepada IPIC dan Pemegang Bon.

Sekiranya permohonan ini berjaya, 1MDB dan MKD akan terlepas daripada pendedahan tersebut di bawah *Consent Award*. Ini merupakan langkah yang perlu diambil dalam proses untuk mempertikaikan keseluruhan perjanjian penyelesaian bertarikh 24 April 2017 antara IPIC, Aabar PJS, 1MDB dan MKD yang turut mengandungi terma-terma lain.

Tuan Yang Dipertua,

Proses untuk mendapatkan semula dana 1MDB yang telah diseleweng sedang berjalan dan ia merupakan suatu proses yang rumit dan panjang yang boleh memakan masa bertahun lamanya. Ini kerana ia bukan sahaja melibatkan kerjasama di antara pelbagai agensi tempatan dengan pelbagai agensi asing dari pelbagai negara, malahan ia turut melibatkan proses perundangan di mahkamah negara asing. Namun, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan pihak berkuasa yang lain akan terus berusaha untuk mendapatkan semula semua dana 1MDB yang telah diseleweng sama ada melalui individu atau syarikat tertentu serta membawa semua pesalah kes kleptokrasi terbesar ini ke muka pengadilan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 9 April 2019**

**SOALAN : NO. 61**

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah arah dan model pembangunan kereta national ketiga. Bagaimana Kerajaan memastikan model yang digunakan memberi manfaat kepada industri automotif dari segi menguasai teknologi baharu dan meningkatkan tahap kemahiran.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Dunia kini menyaksikan perkembangan teknologi yang cukup pesat dan pantas. Begitu juga dengan kereta-kereta yang dihasilkan pada masa kini yang cukup sarat dengan teknologi baru untuk memudahkan pemanduan dan menjadikan pemanduan lebih selamat. Revolusi baru dalam dunia automotif pada masa hadapan akan lebih tertumpu kepada perisian “software” daripada perkakasan “hardware”.

Menerusi teknologi teknologi kenderaan tanpa pemandu atau autonomi (AV), sektor automotif negara akan kekal berdaya maju yang mana ia akan mewujudkan permintaan bukan sahaja bagi kenderaan akan tetapi untuk komponen elektrik dan elektronik (E&E). Malah, trend terkini turut menyaksikan produk yang memiliki elemen Internet Segala-galanya (IoT) mempunyai permintaan yang tinggi begitu juga dengan penggunaan kenderaan autonomi yang dijangka dilaksanakan sepenuhnya pada masa akan datang.

## **SOALAN NO : 61**

Untuk terus bersaing diperingkat global, kerajaan juga akan meneliti dari semua sudut dalam membawa industri automotif ke tahap seterusnya. Kereta nasional baharu sudah tentu akan berpaksikan pengalaman dan kepakaran yang telah dibina oleh ekosistem automotif sehingga kini, bersesuaian dengan trend pasaran dunia.

Bagi menghadapi revolusi baru dalam dunia automotif, negara perlu bersedia memperlengkapkan kemahiran dalam teknologi terkini. Ianya juga secara tidak langsung dapat mempertingkatkan Program Pembangunan Vendor tempatan dalam menyokong projek kereta nasional baharu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HENRY SUM AGONG [ LAWAS ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN : 62**

**Dato' Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah ada usaha pihak KDN untuk membuka kawasan pintu sempadan Sarawak dengan Negara Brunei Darussalam khususnya untuk tujuan kecemasan bagi tempoh 24 jam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam tempoh yang terdekat ini, Kementerian belum lagi mempunyai rancangan untuk membuka pintu sempadan antara Sarawak dengan Brunei selama 24 jam sehari. Walau bagaimanapun, Kementerian mengambil maklum cadangan ini dan akan memperhalusinya di masa akan datang.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN MORDI BIMOL  
(MAS GADING)

TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)

**SOALAN NO. 63**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah perancangan dan pendekatan Kerajaan bagi memastikan Perintah Gaji Minimum 2018 dilaksanakan secara berkesan supaya golongan pekerja mendapat manfaat daripada pelaksanaannya dan adakah Kerajaan bercadang memperkenalkan gaji minimum berdasarkan kemahiran seseorang pekerja.

PN-1412- L04027

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi memastikan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2018 dipatuhi oleh semua majikan di negara ini, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja Sabah dan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak (JTK) untuk menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan tersebut ialah pemeriksaan berkanun, siasatan aduan, pengendalian kes buruh dan pendakwaan.

2. Dalam memastikan kepatuhan terhadap gaji minimum, JTK juga menjalankan aktiviti penguatkuasaan seperti pemeriksaan berkanun. Pemeriksaan berkanun adalah suatu aktiviti rutin iaitu lawatan ke tempat pekerjaan oleh pegawai-pegawai JTK bagi memeriksa aspek pematuhan undang-undang buruh oleh majikan. Bagi tempoh 1 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019, pihak JTK telah menjalankan 7,695 pemeriksaan berkanun. Didapati sebanyak 98% majikan telah mematuhi Perintah Gaji Minimum 2018 yang memperuntukkan kadar gaji minimum sebanyak RM1,100 sebulan bagi seluruh negara.

3. JTK juga menyiasat tuntutan kes buruh yang difailkan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum. Dari 1 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019, sebanyak 95 tuntutan kes buruh difailkan oleh pekerja-pekerja yang mana 66 kes (69%) telah diselesaikan manakala 29 kes (31%) masih dalam tindakan JTK.

4. Selain itu, aduan kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan oleh pekerja di JTK mulai 1 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019 ialah sebanyak 78 aduan diterima dan sebanyak 61 aduan (78%) telah diselesaikan serta baki 17 kes (22%) masih dalam tindakan JTK.

5. Manakala, Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) pula mengendalikan kes-kes pertikaian perusahaan berkaitan gaji minimum yang antaranya melibatkan isu Perjanjian Kolektif berkaitan gaji minimum. Bagi tempoh masa 1 Januari 2019 hingga 28 Februari 2019, sebanyak 4 kes direkodkan yang masih dalam tindakan JPPM.

6. Antara mekanisme-mekanisme lain bagi memantau pelaksanaan gaji minimum adalah penubuhan Pasukan Khas Penguatkuasaan (PKP). PKP ini adalah unit yang berpusat di Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Peranan pasukan ini adalah untuk membuat pemeriksaan mengejut ke atas premis-premis dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya. Antara operasi yang dijalankan dibawah PKP ini adalah Ops Gaji dan Ops Jerit yang telah banyak membantu aktiviti penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Berhubung dengan cadangan gaji minimum berdasarkan kemahiran, Kerajaan tidak bercadang untuk memperkenalkan gaji minimum mengikut kemahiran. Namun sebagai sebuah Kerajaan yang terbuka terhadap setiap pandangan dan cadangan, Kementerian melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) akan meneliti cadangan gaji minimum berdasarkan tahap kemahiran benar-benar sesuai dan memberi manfaat kepada rakyat serta ekonomi negara secara keseluruhannya.

8. Buat masa sekarang Kementerian Sumber Manusia telah menerbitkan Panduan Gaji Permulaan 160 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran (Panduan Gaji). Intipati utama pengenalan panduan gaji adalah untuk mengiktiraf graduan lepasan institusi latihan kemahiran dan seterusnya meningkatkan penyertaan tenaga mahir dalam pasaran buruh negara. Kewujudannya tidak bersifat mandatori dan hanyalah sebagai panduan bagi majikan menetapkan gaji permulaan bagi sesuatu pekerjaan berasaskan kemahiran.

9. Kesimpulannya, Kerajaan prihatin dengan cadangan dan pandangan berkaitan gaji minimum. Bagaimanapun, sesuatu keputusan atau dasar perlulah diperhalusi supaya keputusan benar-benar sesuai dan memberi manfaat kepada rakyat serta ekonomi negara secara keseluruhannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 64**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [ Bachok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kementerian bagi dalam menangani isu sijil palsu bagi menjaga integriti sistem pendidikan negara serta langkah yang disediakan oleh Kementerian bagi mengelak individu menggunakan sijil palsu untuk kepentingan peribadi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengekang penularan kes kelulusan akademik palsu, Kementerian telah mengambil pelbagai inisiatif yang mencakupi langkah-langkah pemantauan dan pencegahan serta tindakan bersifat punitif sekiranya mempunyai keterlibatan IPTS, antaranya bekerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi menyekat akses ke laman-laman sesawang yang disyaki menawarkan atau menjual sijil palsu, perkongsian maklumat dan risikan dengan agensi penguatkuasaan lain, memberi penerangan dari semasa ke semasa kepada masyarakat untuk meningkatkan kesedaran, semakan status program melalui *Malaysia Qualification Agensi* (MQA) atau menggalakkan penggunaan teknologi dan ciri keselamatan terkini bagi menjamin ketulenan sijil dan lain-lain lagi.

Dalam konteks pengurusan pendidikan tinggi swasta pula, pihak Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan ke atas institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi akta dan peraturan di bawah Akta 555 (Akta IPTS 1996). Kawalan Akta 555 merangkumi aspek integriti dan profesionalisme tenaga pengajar akademik di IPTS. Akta 555 memperuntukkan bahawa Ketua Eksekutif perlu didaftarkan dengan kelulusan Ketua Pendaftar dan tenaga pengajar IPTS perlu mendapatkan permit mengajar yang dikeluarkan oleh Ketua Pendaftar sebelum dibenarkan mengajar di mana-mana IPTS.

Sekiranya didapati Ketua Eksekutif atau tenaga pengajar membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan berkaitan dengan permohonannya bagi mendapatkan permit mengajar atau telah dengan sengaja menyembunyikan suatu fakta material; maka IPTS atau Ketua Eksekutif telah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan atau kedua-duanya sekali dibawah Sek 81(c), Akta 555. Sijil kelulusan juga boleh dibatalkan oleh Ketua Pendaftar. Walau bagaimanapun, bagi kes-kes pemalsuan ijazah yang pernah dilaporkan, ianya disiasat oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di bawah Seksyen 465 Kanun Keseksaan.

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) selaku badan jaminan kualiti tunggal pendidikan tinggi Malaysia memandang serius isu ini dan akan memberi kerjasama kepada Kementerian dalam usaha menangani kegiatan ini.

Justeru, MQA sentiasa menasihati orang awam terutamanya ibu bapa, pelajar, majikan, pihak berkuasa melantik untuk merujuk kepada Daftar Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Register, MQR) bagi mendapatkan maklumat tepat berkaitan dengan kelayakan akademik daripada program-program pengajian yang telah dinilai dan diberi akreditasi.

MQA turut memberi penerangan kepada institusi pendidikan tinggi melalui sesi Dialog bersama Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang diadakan secara berkala mengikut zon. Setiap PPT dinasihatkan untuk memastikan semakan dibuat terhadap kesahihan sesuatu kelayakan

pelajar yang memohon untuk menyambung pengajian dan kesahihan maklumat calon staf akademik sebelum dilantik.

Berhubung dengan sijil, diploma, ijazah atau kelulusan akademik yang palsu, tindakan undang-undang boleh diambil melalui peruntukan undang-undang sedia ada, yang antara lainnya adalah seperti yang berikut:

- i. di bawah seksyen 77 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555];
- ii. di bawah seksyen 465 dan seksyen 471 Kanun Keseksaan [Akta 574]; dan
- iii. dalam Perlembagaan Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] di bawah seksyen 53 Jadual Pertama Akta 30.

Sehubungan dengan itu, peruntukan undang-undang sedia ada adalah mencukupi untuk menangani isu penggunaan sijil, diploma, ijazah atau kelulusan akademik yang palsu di negara ini.

Sekian, terima kasih.

RJM 142

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [ KLUANG ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN : 65**

**Puan Wong Shu Qi [ Kluang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini "Malaysian Automated Clearance System" (MACS) dan jangka masa pembaharuan sistem ini untuk permohonan baharu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Belanjawan 2019 yang telah dibentangkan pada 2 November 2018, sebanyak RM10 juta peruntukan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan bagi projek *Malaysia Automated Clearance System* (MACS) dan M-BIKE.

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) kini sedang dalam tindakan melaksanakan perolehan MACS secara tender terbuka dan dijangka akan selesai seawal bulan Julai 2019. Dalam perolehan baru ini, sebanyak 12 unit *autogate* MACS akan menggantikan 6 unit di CIQ BSI dan 6 unit lagi di CIQ KSAB.



**DEWAN RAKYAT**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI BIN  
SULAIMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**  
**MENJAWAB**

**SOALAN : 66**

**YB TUAN TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkaitan Akta Undang-Undang Sivil 1956 masih lagi mengikat Mahkamah Sivil supaya merujuk undang-undang British lama. Jika ada dalam undang-undang Malaysia, adakah Kerajaan merancang untuk meminda Akta Undang-Undang Sivil 1956.

**JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Common law* ialah undang-undang British lama yang merujuk kepada undang-undang yang berasal daripada adat lama dan kelaziman yang terdapat di England yang telah dirujuk, dikembangkan, diubah suai dan dimajukan oleh hakim Inggeris dalam keputusan mereka.
2. Di Malaysia seksyen 3 Akta Undang-Undang Sivil 1956 [Akta 67] memperuntukkan bahawa jika tiada undang-undang bertulis mengenai sesuatu perkara, mahkamah hendaklah memakai *common law* England dan kaedah-kaedah ekuiti seperti yang ditadbirkan di England pada 7 April 1956 bagi Semenanjung Malaysia, pada 1 Disember 1956 bagi Negeri Sabah dan 12 Disember 1949 bagi Negeri Sarawak.
3. Sungguhpun demikian, pemakaian *common law* oleh mahkamah di Negara ini adalah tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam subseksyen 3(1) Akta Undang-Undang Sivil 1956 iaitu dengan syarat bahawa *common law*, kaedah-kaedah ekuiti dan statut pemakaian am tersebut adalah terpakai setakat yang diizinkan oleh hal keadaan Negeri-Negeri di Malaysia dan penduduknya dan

tertakluk kepada penyesuaian yang dianggap perlu oleh hal keadaan tempatan.

4. Seksyen 5 Akta Undang-Undang Sivil 1956 pula membenarkan pemakaian undang-undang Inggeris dalam perkara komersial bagi Negeri-Negeri di Semenanjung Malaysia (kecuali Melaka dan Pulau Pinang) iaitu setakat 7 April 1956 manakala bagi Negeri-Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak, undang-undang komersial Inggeris itu akan terus diterima selagi tiada undang-undang tempatan mengenai perkara komersial itu diperbuat.
5. Mahkamah Persekutuan dalam kes **Majlis Perbandaran Ampang Jaya v Steven Phoa Cheng Loon & Ors [2006] 2 MLJ 389** memperkatakan yang berikut tentang pemakaian seksyen 3 dan seksyen 5 Akta Undang-Undang Sivil 1956:

*“Strictly speaking, when faced with the situation whether a particular principle of common law of England is applicable, first, the court has to determine whether there is any written law in force in Malaysia. If there is, the court does not have to look anywhere else. If there is none, then the court should determine what is the common law as administered in England on 7 April 1956, in the case of West Malaysia. Having done that the court should consider whether 'local circumstances' and 'local inhabitants' permit its application, as such. If it is 'permissible' the court should apply it. If not, in my view, the court is free to reject it totally or adopt any part which is 'permissible', with or without qualification. Where the court rejects it totally or in part, then the court is free to formulate Malaysia's own common law.*

*In so doing, the court is at liberty to look at other sources, local or otherwise, including the common law of England after 7 April 1956 and principles of common law in other countries.”*

6. Jelas daripada kes di atas, tiada halangan untuk membangunkan *common law* Malaysia sendiri.
7. Pada masa kini, Kerajaan belum mempunyai cadangan untuk meminda Akta Undang-Undang Sivil 1956 berkenaan dengan isu pemakaian undang-undang British lama (*common law*). Apa-apa pindaan perlu ditangani secara berhati-hati dan bijaksana supaya apa-apa tindakan yang diambil dapat memberikan faedah kepada pentadbiran sistem kehakiman dan perkembangan undang-undang di Negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 67**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk membantu nelayan-nelayan kecil daripada terus membuat hutang dengan orang tengah dan sekali gus mengeluarkan mereka daripada garis kemiskinan. Seterusnya adakah Kerajaan mempunyai perancangan khusus untuk membangunkan Sungai Kerang, Kuala Trong, Matang dan Kuala Sepetang sebagai kawasan (*zoning*) hub-hub memancing dalam membantu nelayan-nelayan kecil mendapat pendapatan tambahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi membantu nelayan – nelayan kecil daripada terus membuat hutang daripada orang tengah dan mengeluarkan mereka dari garis kemiskinan, Kementerian ini telah melaksanakan langkah – langkah seperti berikut:

- (i) Mewujudkan Pasar Nelayan bagi menggalakkan jualan terus hasil tangkapan ikan kepada pengguna. Program ini berjaya meningkatkan pendapatan peserta (nelayan) sebanyak 33.6% iaitu daripada RM1,870 kepada RM2,500 sebulan.

## SOALAN NO : 67

- (ii) Melaksanakan projek akuakultur di bawah Persatuan Nelayan bagi menjana pendapatan sampingan. Pada tahun 2017 pendapatan Persatuan Nelayan meningkatkan sebanyak 16.5% iaitu daripada RM16.7 juta kepada RM20.0 juta.
- (iii) Menyediakan dana nelayan melalui pinjaman tanpa faedah bagi meningkatkan keupayaan vesel dan alat penangkapan ikan. Pada tahun 2017, pendapatan nelayan pesisir pantai telah meningkat daripada RM1,000 sebulan kepada RM2,500 hingga RM3,000 sebulan.

Kementerian melalui Jabatan Perikanan Malaysia sedia maklum bahawa Sungai Kerang, Kuala Trong, Matang dan Kuala Sepetang merupakan kawasan memancing sedia bagi nelayan – nelayan kecil dan pemancing rekreasi. Walau bagaimanapun, Kementerian ini belum mempunyai sebarang perancangan khusus bagi membangunkan kawasan tersebut sebagai hub memancing dan aktiviti agropelancongan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN**  
**[GERIK]**  
**TARIKH : 9 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 68**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan:

- (a) perkembangan pemasangan PV solar oleh anak syarikat milik penuh TNB, GSPARX Sdn Bhd, Renewables Sdn Bhd dalam menawarkan modal sifar bagi pakej penjanaan sendiri panel solar fotovoltan (PV) kepada pengguna kediaman; dan
- (b) berapakah tarif elektrik terkini yang dikenakan terhadap pengguna domestik dan bukan domestik dan adakah tarif elektrik akan dinaikkan dalam masa yang terdekat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. GSPARX Sdn. Bhd. anak syarikat milik penuh TNB Renewables Sdn. Bhd. sedang dalam proses akhir menandatangani perjanjian “*Solar Power Purchase Agreement*”, dengan izin, bagi pemasangan panel solar PV dengan jumlah kapasiti 5MW di premis-premis pengguna industri, komersial dan kediaman. Sebagai permulaan, pakej ‘*zero capex*’ ini ditawarkan kepada pengguna-pengguna kategori industri dan komersial manakala bagi pengguna kategori kediaman pula, pihak GSPARX sedang membangunkan opsyen-opsyen bayaran yang sewajarnya sama ada melalui pembayaran secara tunai, kad kredit, pinjaman bank serta pilihan sewa-beli.
2. Untuk tempoh kawal selia kedua mekanisme *Incentive-Based Regulation* (IBR), dengan izin, yang bermula 1 Januari 2018 hingga 31 Disember 2020, kadar purata tarif asas ditetapkan pada kadar 39.45 sen/kWj. Walau bagaimanapun, untuk pengguna bukan domestik, tambahan surcay sebanyak 2.55 sen/kWj dikenakan bagi tempoh Mac hingga Jun 2019. Surcay ini adalah ekoran daripada kenaikan harga bahan api bagi penjanaan dalam tempoh Julai hingga Disember 2018.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah mekanisme IBR terdapat komponen *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT), dengan izin, yang membenarkan harga bahan api disemak setiap enam bulan. Sehubungan dengan itu, sebarang perubahan dalam kos bahan api seperti harga arang batu yang tertakluk kepada harga pasaran dunia akan memberi kesan kepada bil elektrik pengguna di Semenanjung sama ada dikenakan surcay atau diberikan rebat. Selain itu, bagi tarif asas ia hanya akan disemak setiap tiga tahun sama ada terdapat kenaikan atau tidak sebagaimana mekanisme IBR.

Sekian, terima kasih.



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR**  
**KAWASAN : SETIU**  
**TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan statistik projek perumahan berasaskan konsep *Industrialised Building System* (IBS) daripada keseluruhan projek pembinaan perumahan di seluruh negara sepanjang 2015-2018 dan berapakah projek perumahan yang diluluskan untuk negeri Terengganu khususnya daerah Setiu bagi tahun 2019-2020.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik pembinaan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), sebanyak 6,042 projek perumahan telah dibina di seluruh negara bagi tahun 2015 sehingga 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,630 projek pembinaan perumahan (27%) telah dilaksanakan menggunakan Sistem Binaan Berindustri (*Industrialised Building System* - IBS).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bagi pembangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara yang diselaraskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pihak pemaju yang terlibat perlu mencapai skor minimum 70% menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) seperti yang dinyatakan dalam *Client Brief of Requirement* (CBOR), KPKT.

Berdasarkan makluman daripada KPKT, bagi Negeri Terengganu, 1 projek PPR dengan 500 unit rumah sedang dalam pembinaan di Kuala Nerus dan 2 projek PPR dengan 1,000 unit rumah masih dalam peringkat perancangan di Kijal dan Besut. Bagi tahun 2019, KPKT belum mempunyai perancangan projek baharu di Daerah Setiu. KPKT mengalu-alukan cadangan Yang Berhormat melalui Kerajaan Negeri Terengganu bagi pembangunan PPR di Daerah Setiu dengan menyediakan tapak yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 09 APRIL 2019 (SELASA)**

**DARIPADA : Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin  
Haji Musa [ Ketereh ]**

**SOALAN : 70**

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [ Ketereh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan berkaitan pendedahan mengenai status pendidikan Anggota Kabinet yang dipalsukan dan tidak sah. Apakah tindakan yang bakal diambil bagi memulihkan imej pentadbiran negara.

**JAWAPAN:     YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI**  
**DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan ahli Jemaah Menteri dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, daripada kalangan ahli mana-mana satu Majlis Parlimen. Perundangan tiada menyatakan berkenaan kelayakan akademik menjadi syarat bagi seseorang dipilih menjadi ahli Majlis Parlimen. Sehubungan itu, isu berkenaan kelayakan akademik tidak timbul.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @  
HASHIM [ KUALA TERENGGANU ]**

**TARIKH : 9 APRIL 2019**

**SOALAN : Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan proses rundingan awal kumpulan kerja yang ditubuhkan awal Januari dalam penyelesaian konflik maritim Pelabuhan Johor Baharu dan Tuas.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu di atas pertanyaan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Malaysia telah mengisytiharkan Perubahan Had Pelabuhan untuk Pelabuhan Johor Bahru pada 25 Oktober 2018. Susulan itu, Singapura juga telah mengisytiharkan Had Pelabuhan Tuas yang baharu pada 6 Disember 2018.

3. Untuk meredakan suasana yang tegang ini, pada 8 Januari 2019, kedua-dua negara telah bersetuju untuk menubuhkan satu Kumpulan Kerja (*Working Group*) bagi menangani isu maritim melibatkan peluasan had pelabuhan Johor Bahru di Tanjung Piai dan had pelabuhan Singapura di Tuas.

4. Kumpulan Kerja (*Working Group*) ini dipengerusikan secara bersama oleh YBhg. Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Encik Chee Wee Kiong, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura.

5. Kumpulan Kerja (*Working Group*) tersebut telah berbincang dan berjaya mencapai persetujuan dalam had waktu yang ditetapkan, dan mencadangkan untuk Malaysia dan Singapura secara bersama:

a. menangguhkan implementasi had pelabuhan baharu yang bertindih dan menggunakan had pelabuhan sebelum 25 Oktober 2018 dan 6 Disember 2018;

b. tidak memberi sebarang kelulusan dan menangguhkan sebarang aktiviti komersial dalam had pelabuhan bertindih;

c. tidak membenarkan kapal-kapal Kerajaan berlabuh di kawasan tersebut;

d. kapal-kapal Malaysia dan Singapura yang beroperasi di kawasan tersebut tertakluk kepada undang-undang antarabangsa termasuk *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982* (UNCLOS). Kedua-dua pihak akan mewujudkan satu modaliti yang boleh diamalkan bagi mengelak sebarang insiden yang tidak diingini di kawasan berkenaan;

e. menubuhkan satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura bagi perbatasan sempadan maritim dan memastikan supaya:

i. cadangan-cadangan operasi dilaksanakan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh yang telah dipersetujui oleh Malaysia dan Singapura; dan

ii. rundingan perbatasan sempadan maritim bagi kawasan berkenaan bermula dalam tempoh satu (1) bulan selepas pelaksanaan cadangan-cadangan operasi tersebut.

6. Langkah-langkah tersebut akan diambil tanpa prejudis kepada tuntutan Malaysia di kawasan tersebut. Selanjutnya, jika persetujuan tidak dapat dicapai semasa rundingan perbatasan sempadan maritim, Malaysia dan Singapura boleh bersetuju untuk menggunakan prosedur penyelesaian pertikaian pihak ketiga antarabangsa yang sesuai di atas terma-terma yang dipersetujui oleh kedua-dua negara.

7. Persetujuan di atas mempamerkan komitmen kedua-dua negara untuk bekerjasama menyelesaikan isu maritim berkaitan pertikaian peluasan had pelabuhan tersebut secara baik dan mengikut saluran diplomasi yang betul, berdasarkan undang-undang antarabangsa.

8. Justeru, Kementerian ini akan meneruskan pendekatan aman dan strategik dalam menyelesaikan tuntutan maritim di antara kedua-dua Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 72**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) seperti dalam janji Manifesto Pilihan Raya Pakatan Harapan selepas 10 bulan Pakatan Harapan memenangi Pilihan Raya ke-14 dan apakah laporan perkembangan sejak pembentukan jawatankuasa khas mengenai pengiktirafan UEC sejak Oktober 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu pasukan petugas khas yang dikenali sebagai Pasukan Petugas Dasar – UEC (PPD-UEC) bagi meneliti isu berhubung dengan *United Examination Certificate* (UEC).

PPD-UEC tersebut melaksanakan tugasannya berdasarkan terma rujukan yang disediakan oleh KPM . Pendekatan yang diguna pakai oleh PPD-UEC ini ialah menerusi pendekatan pencarian maklumat (*facts-finding*). Pasukan ini telah diberikan tempoh selama enam (6) bulan, iaitu sehingga Julai 2019 untuk meneliti dan menyediakan syor-syor berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC kepada pengurusan tertinggi KPM untuk pertimbangan selanjutnya.

KPM akan memastikan isu UEC tidak menjejaskan kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu, serta tidak menjejaskan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara ini.

Sekian, terima kasih. RJM 143



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
[ SERIAN ]**

**TARIKH : 9.4.2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 73**

**Dato Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah status terkini dengan Projek Pembinaan SMK Serian No.2 untuk menampung bilangan pelajar-pelajar yang terlalu sesak di SMK Serian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meluluskan pembinaan sekolah baharu SMK Serian No.2 dalam *rolling plan* 1 RMKe-11 pada tahun 2016 dengan skop 36 bilik darjah bagi menampung 400 pelajar asrama, 12 unit rumah guru dan lain-lain kemudahan. Walau bagaimanapun pihak konsultan telah mendapati tapak cadangan SMK Serian No.2 di Lot 602, Block 20 Bukar Sadong Land District dengan keluasan 16.408 hektar (40.55 ekar) adalah kawasan berisiko sederhana tinggi hingga sangat tinggi yang bermaksud Tidak Dibenarkan Sebarang Pembangunan Kecuali Pembinaan Infrastruktur dengan merujuk kepada Garis Panduan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Susulan daripada masalah tersebut, permohonan tapak cadangan yang baharu bagi SMK Serian No. 2 telah dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Serian. Pihak KPM telah mengadakan lawatan ke tapak cadangan yang baharu pada 24 November 2017 supaya pemilihan tapak dapat dimuktamadkan dengan segera. Berdasarkan pelan topografi yang disediakan oleh jurukur berlesen yang dilantik, mendapati sebahagian besar tapak cadangan adalah kawasan berpayau yang memerlukan kerja-kerja pemulihan tanah dan memerlukan kos tinggi untuk proses rawatan atau baikpulih tanah (*soil treatment*) serta perlu disahkan selamat terlebih dahulu bagi tujuan pembangunan.

Proses ini akan mengambil masa yang lama dan akan menyebabkan kelewatan ke atas pembinaan projek. Pihak kementerian juga memutuskan untuk tidak meneruskan pengambilan balik tanah tapak tersebut sebaliknya mengesyorkan supaya mencadangkan tapak lain yang lebih sesuai dan tidak berisiko seperti tapak sebelum ini.

Sekian, terima kasih